

Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

BERITA JMM JILID 37 ▪ BIL. 2/2022 ▪ MEI - OGOS | ISSN 2231-8321

PAMERAN MOTIF & REKACORAK TEKSTIL

*TEXTILES MOTIFS &
DESIGNS EXHIBITION*



Jabatan Muzium Malaysia



Jabatan Muzium Malaysia



Jabatanmuziummalaysia



www.jmm.gov.my

Lidah Pengarang



Assalamualaikum w.b.t.

Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita bersua lagi dalam Berita JMM Jilid 37, Bilangan 2 tahun 2022 berjaya diterbitkan, Tahniah dan syabas kepada Sidang Editorial dan semua yang terlibat dalam menyumbangkan artikel untuk terbitan ini.

Berita JMM kali ini memuatkan pelbagai aktiviti yang telah dijalankan sepanjang bulan Mei hingga Ogos 2022 dan kemuncak aktiviti ialah sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan di Kelantan yang menyaksikan himpunan warga muzium seluruh negara. Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan sepanjang sambutan dijalankan dan semua ini didokumenkan melalui edisi sisipan khas bersama terbitan ini. Selain itu, program pameran, Semarak@Muzium, Bicara@Muzium, Bicara Kurator dan lain-lain program turut dilaksanakan oleh muzium-muzium JMM.

Kerancangan industri pelancongan domestik turut memberi kesan positif kepada muzium dengan peningkatan jumlah pelawat dan kutipan hasil. Semoga muzium JMM terus mengekalkan momentum dalam melangsungkan peranannya untuk memertabatkan dan melestarikan khazanah negara agar terus terpelihara.


Sekian, terima kasih.

“MUZIUM KITA TAMADUN KITA”

Encik Mohd Razaimi bin Hamat



Editorial



RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN
Motif Ikan Arowana - Pameran Motif dan Reka Corak Tekstil pada 7.7.2022 - 31.12.2022

PENASIHAT

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

KETUA EDITOR

Mohd Razaimi bin Hamat

EDITOR

Mohd Khairill bin Jemangin
Nor Hafizzah binti Abdul Rahman

PENYELARAS

Rozlinah binti Ismail
Hamidah binti Mohd Tahir
Roseanida binti Abdul Kadir

FOTOGRAFI

Unit Sumber Media

EDARAN

Unit Perpustakaan

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Muzium Malaysia

Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur
Tel : (+603) 2267 1000, (+603) 2282 6255
Faks : (+603) 2282 6434
<https://www.jmm.gov.my>

DICETAK OLEH

Sepantas Kurnia (M) Sdn Bhd
No.50 &52A, Jalan Seri Aman,
Taman Seri Aman,
43200 Cheras Selangor.

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali.
Berita ini boleh dimuat turun daripada
laman web JMM.

ISI KANDUNGAN

JILID 37 / BIL.2 / 2022 MEI - OGOS

- 4 MAJLIS PERASMIAN PAMERAN MOTIF & REKA CORAK TEKSTIL
- 6 MAJLIS PERASMIAN PAMERAN DUNIA NAGA MITOS DAN LAGENDA
- 7 PENERBIT JMM MENANGI DUA KATEGORI ANUGERAH BUKU NEGARA 2022
- 8 SEMARAK@MUZIUM SEMPENA PAMERAN MENELUSURI JEJAK TENGGU MENTERI NGAH IBRAHIM
- 9 SEMARAK MUZIUM@MSKOA 2022 "MARI PAKAT SERBU"
- 10 SEMARAK@MUZIUM: TAIPING RETROSPEKTIF SEJARAH DI MUZIUM PERAK
- 12 SEMARAK@TEKSTIL ANJURAN MUZIUM TEKSTIL NEGARA
- 13 PAMERAN EVOLUSI BAJU SERAGAM JURURAWAT
- 14 PENGIKTIRAFAN MALAYSIA BOOK OF RECORDS (MBR) MOST PARTICIPANTS IN 'MAKANAN DARURAT' COOKING SESSION
- 15 BICARA@MUZIUM PERMATA DI RIMBA: KUPU-KUPU DAN RAMA-RAMA DI HUTAN MALAYSIA
- 16 BICARA@MUZIUM "KELESTARIAN TAPAK-TAPAK BERSEJARAH LABUAN DARI SUDUT PANDANG KONSERVASI DAN ARKEOLOGI"
- 17 BICARA@MUZIUM NEGARA SEMPENA PAMERAN DUNIA NAGA: MITOS & LAGENDA
- 18 BERITA BERGAMBAR
- 20 BICARA@MUZIUM "EVOLUSI REKABENTUK PROTON"
- 21 BICARA@MUZIUM MELAYU TIMUR TENGAH: MENELUSURI MELAYU DI BUMI ANBIYA
- 22 BICARA@MUZIUM BUSANA DAN BARANG PERHIASAN MASYARAKAT AWAL KEDAH
- 23 BICARA@MUZIUM KOTA KUALA KEDAH
- 24 BENGKEL EPIGRAFI KEDAH TUA
- 25 SENAM SIHAT MUZIUM DAN KOMUNITI DI MUZIUM CHIMNEY
- 26 PROGRAM CERIA@MUZIUM "SENI HIAS MEMBUAT WAU"
PROGRAM JANGKAUAN LUAR SEMPENA BULAN KEBANGSAAN
- 27 SEMINAR MUZIUM LUKUT: "KE ARAH PEMERKASAAN PEMELIHARAAN MUZIUM DAN KOTA LUKUT SEBAGAI ASET SEJARAH BERNILAI"
- 28 BICARA KURATOR SIRI 1
- 29 BICARA KURATOR SIRI 3
- 30 SAMBUTAN BULAN HRMIS PERINGKAT JMM
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA TAHUN 2021
- 31 SAMBUTAN RUMAH TERBUKA AIDILFITRI JABATAN MUZIUM MALAYSIA
- 32 JUALAN TERBITAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA SEMPENA PESTA BUKU ANTARABANGSA, KUALA LUMPUR (PBAKL)
- 33 JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA 2022
- 34 PROGRAM CELIK ILMU: PENGURUSAN HARTA PUSAKA
PROGRAM JUNGLE TREKKING DI TAMAN RIMBA TUGU NEGARA
- 35 APLIKASI DAN PREVENTIF DALAM PENJAGAAN KOLEKSI ARTIFAK
GAMELAN NUANSA NUSANTARA: SOUNDS OF THE MALAY ARCHIPELAGO



Majlis Perasmian PAMERAN MOTIF DAN REKACORAK TEKSTIL

Oleh: Salmiahwati binti Djafar, Muzium Tekstil Negara



Keindahan dan keunikan pada sesuatu unsur motif pada tekstil menonjolkan ketamadunan, kepercayaan dan warisan budaya sesuatu bangsa. Kehalusan dan ketelitian dalam proses pemilihan dan penciptaan motif menggambarkan ketinggian pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh masyarakat setempat. Lazimnya, keajaiban alam ciptaan Tuhan menjadi sumber idea, inspirasi dan punca kejadian bagi penghasilan sesuatu motif pada tekstil, yang seterusnya membentuk identiti tersendiri dalam seni tekstil tempatan.

Bagi mengangkat kepelbagaian unsur motif dalam seni tekstil Melayu, MTN telah mengadakan Pameran Motif Dan Reka Corak Tekstil yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) pada 7 Julai 2022 di Dataran Muzium Tekstil Negara. Pameran ini merupakan satu kerjasama strategik Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kelantan bersama Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Muzium Tekstil Negara (MTN). Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh ahli pengurusan tertinggi MOTAC, wakil UiTM Shah Alam, wakil UiTM Cawangan Machang, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Pejabat Jaringan Industri dan Alumni, UiTM Cawangan Kelantan dan barisan pensyarah; pengarah-pengarah agensi di bawah MOTAC serta para penggiat industri tekstil.

Pameran dibuka kepada orang ramai bermula dari 7 Julai sehingga 31 Disember 2022 bertempat di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara. Pameran ini secara eksklusif memperagakan sebanyak 91 koleksi pelbagai kategori milik Jabatan Muzium Malaysia dan 65 koleksi produk akhir hasil karya dan kreativiti para pelajar UiTM Cawangan Kelantan. Antara koleksi yang dipamerkan ialah koleksi songket, songket limar, kain tenun, kain pelangi, batik, tekat, hiasan kepala, kelingkan, kasut manik dan telepuk. Turut dipamerkan ialah hasil lakaran perkembangan idea pelajar yang mewakili sepuluh unsur motif.





Pameran ini turut menggunakan beberapa bentuk diorama alam semulajadi dan ruang bergambar bagi memberi peluang kepada para pengunjung mengabadikan potret sebagai kenang-kenangan dalam pameran ini. Manakala, koleksi pula dipamerkan dengan pelbagai variasi teknik peragaan seperti peragaan pada *mannequin* dan *torso* serta penggunaan sokongan koleksi berbentuk tiga dimensi (3D) silinder, sendeng, gantungan dan papan polikarbonat.

Antara objektif pameran ini adalah untuk mengangkat dan memperkenalkan kepelbagaian sumber motif yang menjadi inspirasi dalam penghasilan seni tekstil tempatan; menyebarkan pengetahuan dan pemahaman kepada masyarakat mengenai unsur-unsur motif dalam seni tekstil Melayu, perkembangan idea dan reka corak serta teknik pembuatan bagi penghasilan tekstil; dan meluaskan jaringan kerjasama strategik antara JMM dengan UiTM dalam bidang penyelidikan tekstil.

Pameran ini terbahagi kepada empat segmen yang mengetengahkan sepuluh unsur motif yang sangat dominan dalam dunia tekstil Melayu iaitu motif flora, fauna, alam semulajadi, kosmos, makanan, kaligrafi, alam benda, figura, abstrak dan geometri. Segmen pertama menampilkan Alam Sebagai Punca Kejadian bagi pemilihan dan penghasilan motif. Segmen kedua mempamerkan Motif dan Reka Corak iaitu suatu proses perkembangan idea yang bermula daripada sumber asal sesuatu motif sehingga membentuk reka corak pada tekstil. Segmen ketiga memaparkan Simbolisme Motif Pada Tekstil yang memfokuskan motif pucuk rebung pada seni tekstil Melayu dan segmen keempat memaparkan hasil Idea dan Kreativiti para pelajar dari Kolej Pengajian Seni Kreatif (Jabatan Tekstil) UiTM, Cawangan Machang, Kelantan menghasilkan produk akhir seperti batik, cetakan dan tenunan.

Pameran ini disemarakkan lagi dengan program Bicara@Muzium yang menampilkan tiga orang panel yang tidak asing lagi dalam bidang tekstil dan program Semarak@Tekstil sepanjang bulan Julai bersama Muzium Negara dan Muzium Muzik. Antara pengisian program Semarak@Tekstil ialah sembang tekstil, demonstrasi pemakaian busana Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Perak, pelbagai bentuk pertandingan, gerai



jualan dan lain-lain aktiviti. Selain itu turut diadakan program sampingan pada setiap hujung minggu sepanjang pameran berlangsung, seperti pertandingan melukis motif tekstil, mereka corak motif pada poskad, jom buat pop motif *fridge magnet* dan program *tie & dye*.


Semoga pameran ini dapat mencapai objektif yang telah disasarkan dan usaha mengetengahkan unsur-unsur motif yang dominan dalam seni tekstil Melayu dapat didokumentasikan. Menerusi pameran ini juga, ia dapat menjadi medium kepada JMM untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat dan melestarikan warisan, budaya dan tradisi bangsa yang menjadi lambang dan identiti negara.

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN DUNIA NAGA: *Mitos dan Lagenda*

oleh: Yusri bin Ja'afar, Bahagian Komunikasi Korporat

Dalam tamadun di seluruh dunia, salah satu mitos yang dikatakan merentasi sempadan budaya ialah mitos tentang naga. Mitos naga dikatakan muncul dalam segenap penjuru ruang budaya masyarakat dunia sama ada di sebelah Timur mahupun Barat. Mitos tentang naga membentuk dua kutub kepercayaan yang berbeza antara Timur dan Barat. Misalnya, dalam tradisi Eropah, naga digambarkan sebagai haiwan mitologi yang menyemburkan api, bersekutu dengan kuasa jahat dan simbol kekacauan. Dalam konteks budaya material di Nusantara, motif naga boleh didapati pada pahatan pada relief dan arca di candi-candi kuno, ragam hias pada peralatan budaya termasuklah keris, wayang kulit, peralatan perhiasan, tekstil, seramik dan peralatan regalia diraja. Sehingga ke hari ini, sesetengah objek budaya masih lagi menggunakan ragam hias ini dan sebahagian pula sudah tidak digunakan. Ini kerana, setelah kemasukan pengaruh Islam khususnya di Alam Melayu, masyarakat mula akur akan larangan agama yang tidak membenarkan ragam hias yang bersifat binatang atau manusia. Penyelidikan yang telah dijalankan oleh penyelidik Jabatan Muzium Malaysia berkenaan naga ini diterjemahkan ke dalam bentuk paparan koleksi dan teks penceritaan melalui Pameran Dunia Naga: Mitos dan Lagenda. Perasmian pameran telah berlangsung pada 26 Julai 2022 di Dataran Muzium Negara dan disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P., Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Memetik teks ucapan, beliau berkata dalam konteks kebudayaan yang pelbagai kaum di Malaysia, kita semua masih berkongsi suatu pandangan dan kepercayaan yang hampir sama berkenaan dengan haiwan mitologi ini. Sejarah lampau membuktikan bahawa dunia Nusantara khususnya di kawasan pesisir Selat Melaka, sejak dari awal lagi telah menjadi pusat pertembungan budaya antara timur dan barat serta menjadi laluan utama bagi para pelayar dan pedagang untuk belayar sama ada dari China ke India atau sebaliknya. Pertembungan antara budaya tempatan dan budaya asing ini akhirnya membenihkan suatu ciri atau identiti budaya yang unik dalam kelompok masyarakat di kawasan Nusantara.

Meskipun kita mengamalkan agama dan kepercayaan yang berbeza namun dari konteks budaya dan kosmologi sedikit sebanyak ianya masih mengalir dalam denyut nadi masyarakat. Samalah juga dengan imej atau figura naga yang berlegar dalam ruang material masyarakat. Sehingga kini ia masih dapat kita lihat sama ada secara nyata mahupun dalam bentuk abstrak. Malah, dalam konteks budaya *non-material* juga, gambaran naga masih tertulis dalam naskah-naskah kesusasteraan tempatan umpamanya dalam teks *Hikayat Naga Berseru*, *Hikayat Seri Rama* dan *Hikayat Pandawa Lima*. Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia, YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim pula melalui ucapan beliau, memaklumkan bahawa pameran ini merupakan pameran sementara yang dibuka kepada umum bermula dari 9 Jun 2022 sehingga 30 Oktober 2022. Pameran ini menampilkan hampir 100 buah koleksi milik JMM yang terdiri daripada pelbagai jenis



seperti seramik, logam, tekstil, ukiran kayu dan lain-lain. Koleksi yang dipamerkan juga kebanyakannya berasal dari pelbagai kawasan di Asia Tenggara khususnya Thailand, Indonesia dan Malaysia yang memperlihatkan figura naga sebagai subjek pada setiap artifak.

Pameran ini mempunyai 11 segmen iaitu Segmen 1: Dunia Naga, Antara Barat dan Timur, Segmen 2: Naga dalam Tamadun Awal Dunia, Segmen 3: Naga dalam konteks budaya material di Nusantara, Segmen 4: Kosmologi Naga dalam masyarakat Nusantara, Segmen 5: Naga dalam tradisi kesusasteraan Nusantara, Segmen 6: Naga dalam kepercayaan di Nusantara, Segmen 7: Simbol Naga dalam *Secret Society*, Segmen 8: Naga dan kuasa ekonomi global, Segmen 9&10: Naga dalam popular dan akhir sekali Segmen 11: Tahun Naga dan personaliti dunia. Pemaparan segmen ini memberi pelbagai maklumat dan ilmu perbandingan bagi mitos dan lagenda naga yang telah wujud sejak dahulu lagi.

PENERBIT JMM MENANGI DUA KATEGORI ANUGERAH BUKU NEGARA 2022

Oleh: Noraini binti Basri, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Pada 23 Ogos 2022, Penerbit Jabatan Muzium Malaysia (JMM) memenangi dua kategori Anugerah Buku Negara (ABN) tahun 2022 yang berlangsung di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia. Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, mantan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Aplikasi Preventif dalam Penjagaan Koleksi Artifak, tulisan Zamrul Amri Zakaria, memenangi kategori Buku Umum Terbaik (Pengurusan Artifak). Buku yang mengandungi sembilan bab ini mengupas pelbagai persoalan dan permasalahan dalam aspek penjagaan koleksi artifak dan merupakan satu buku panduan yang lengkap bagi mengurus koleksi artifak di muzium berpandukan amalan terbaik konservasi preventif. Bagi kategori Buku Umum Terbaik (Kesenian) pula, *Gamelan Nusantara / Sounds of the Malay Archipelago*, tulisan Ruslee Ariffin dan Anwardi Jamil, dipilih sebagai pemenang. Buku ini mengandungi sejarah am termasuklah legenda dan mitos berkenaan asal usul gamelan dalam pelbagai bentuk di seluruh dunia Melayu dengan matlamat untuk meletakkan gamelan Melayu dalam garis sejarah gamelan seiring dengan gamelan Bali dan Jawa.

ABN 2022 dianjurkan oleh Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN), sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berperanan dalam memajukan industri buku dan membina masyarakat berilmu melalui buku sama ada bercetak atau digital (e-book). Penganjuran ABN adalah terbuka kepada semua karyawan, penerbit dan penggiat industri buku untuk diberi pengiktirafan dan insentif sewajarnya. Bagi tahun 2022, lebih dari 40 kategori telah dipertandingkan yang dinilai oleh Panel Penilai Profesional Anugerah Buku Negara 2022.



Majlis ABN ini juga turut diadakan bersempena dengan Ekspo Buku Malaysia, Persidangan Buku Antarabangsa 2022 dan Forum Kelab Penulis yang berlangsung pada 22-25 Ogos 2022 di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia, Institut Terjemahan Buku Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Perpustakaan Negara Malaysia. Penganugerahan ini merupakan julung kali dimenangi JMM selaku penerbit buku yang diselaraskan oleh Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi. Karya ini diharap dapat menjadi pemangkin dan galakan berterusan kepada warga kerja Jabatan untuk menghasilkan karya-karya berkualiti yang layak dinilai untuk pengiktirafan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.



SEMARAK@MUZIUM SEMPENA PERASMIAN PAMERAN MENELUSURI JEJAK TENGGU MENTERI NGAH IBRAHIM

Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang

Muzium Matang telah berjaya menganjurkan program Semarak@Muzium sempena Perasmian Pameran Menelusuri Jejak Tengku Menteri Ngah Ibrahim. Majlis Perasmian Pameran ini yang diadakan pada 2 Julai 2022 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Encik Ahmad Saidi bin Mohamad Daud, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia yang mewakili YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan.

Majlis diserikan dengan kehadiran tetamu jemputan iaitu YBhg Dato' Wan Mohd Isa bin Dato' Haji Wan Mohd Razali, Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama yang merupakan cicit kepada Ngah Ibrahim dan pemegang gelaran Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama ke-9. Pameran Menelusuri Jejak Tengku Menteri Ngah Ibrahim telah dibuka kepada pelawat bermula dari 23 Mac 2022. Pameran ini memberi fokus kepada pengkisahan Kota Ngah Ibrahim selain memperlihatkan catatan peristiwa bersejarah kehidupan Tengku Menteri Ngah Ibrahim dan tokoh-tokoh yang berkait rapat dengan beliau.

Sempena majlis perasmian tersebut Muzium Matang turut menganjurkan program Semarak@Muzium pada 2 dan 3 Julai 2022. Program Semarak@Muzium merupakan aktiviti berbentuk kemasyarakatan melibatkan penyertaan peniaga industri kecil sederhana, penggiat seni budaya tempatan, badan bukan kerajaan, agensi awam dan swasta. Antara pengisian aktiviti yang diadakan sempena program tersebut termasuklah gerai pameran, demonstrasi dan jualan makanan tradisi, demonstrasi mencanting batik, jualan produk kraf, persembahan kebudayaan, pertandingan busana tradisional, pertandingan tarian tradisional, pertandingan tari silat, pertandingan permainan sukan rakyat, pertandingan nyanyian karaoke, persembahan busking, pertandingan mewarna dan sebagainya.

Antara agensi-agensi yang terlibat menyertai gerai-gerai pameran, demonstrasi dan jualan ialah FAMA, Kolej Komuniti, Syarikat Adabi Sdn Bhd dan lain-lain. Demonstrasi dan jualan makanan tradisi yang diadakan adalah seperti kuih peniram, mee udang, kuih rempeyek, pekasam,

wajik dan sebagainya. Turut diadakan jualan produk kraf seperti labu sayong, jualan tengkolok dan barangan antik.

Program Semarak@Muzium yang berlangsung selama dua hari ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan menerima jumlah pengunjung seramai 1,500 orang. Program ini juga mendapat liputan media dan disiarkan dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia pada 28 Jun 2022, Buletin TV3 jam 12.30 tengahari pada 3 Julai 2022 dan HMETRO.com.my pada 3 Julai 2022.

Diharap dengan penganjuran program seperti ini dapat mengimarahkan lagi muzium dalam mendekati masyarakat. Kedudukan bangunan Muzium Matang yang terletak dalam daerah Kuala Sepetang yang telah diangkat sebagai zon eko pelancongan mampu mempromosi dan melestarikan pelancongan budaya di negeri Perak.



Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Berhormat Encik Ahmad Saidi bin Mohamad Daud.



Acara memotong reben di galeri pameran Menelusuri Jejak Tengku Menteri Ngah Ibrahim.



Sesi bergambar bersama peserta pertandingan tari silat.



Sesi bergambar bersama peserta pertandingan busana tradisional.



Puan Nor Aini bt Hassan menyampaikan taklimat sempena lawatan ke galeri pameran.

SEMARAK MUZIUM@MSKOA 2022 “MARI PAKAT SERBU”

Oleh: Asmawi bin Mohamed Yunos, Amirah Ainin Sofea binti Mohd Ramdhan,
Muzium Seni Kraf Orang Asli

Program Semarak MUZIUM@MSKOA 2022 yang bertemakan “Mari Pakat Serbu” telah berjaya diteruskan penganjurannya pada tahun ini. Program ini memberi fokus kepada keunikan sosio-budaya kehidupan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Masyarakat Orang Asli memang dikenali sebagai komuniti yang mempunyai keistimewaan dan kehidupan tersendiri, dalam kehidupan sejagat, malahan ada keunikan tersebut tidak diketahui oleh masyarakat umum pada hari ini.

Program Semarak Muzium untuk tahun kelima ini berlangsung dari 23 hingga 24 Julai 2022 (Sabtu dan Ahad) bermula dari jam 10.00 pagi sehingga 5.00 petang di Dataran Muzium Negara. Program ini memaparkan pelbagai aktiviti suku kaum masyarakat Orang Asli melalui persembahan kebudayaan dan aktiviti demonstrasi seperti, memburu dan memungut, aktiviti masa lapang, anyaman bubu, ukiran patung dan topeng, pertandingan dan permainan tradisional, demonstrasi menyempit dan jualan kraftangan masyarakat Orang Asli.

Seramai 11,158 pengunjung berjaya direkodkan untuk program yang berlangsung ini. Program ini diserikan lagi dengan kehadiran YBrs. Puan Hajah Sapiah Binti Dato' Mohd Noor, Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dengan diiringi oleh YBrs. Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman). Program ini juga telah dipromosi melalui siaran radio Asyik FM yang bersiaran pada 21 Julai 2022 (Khamis), selain kehadiran Kelab konvoi bermotosikal menjadi salah satu jempunan utama di dalam program ini pada 24 Julai 2022 (Ahad).

Semarak MUZIUM@MSKOA 2022 turut dimeriahkan dengan aktiviti jualan oleh agensi kerajaan dan swasta serta usahawan Orang Asli seperti jualan buku dari Unit Perpustakaan JMM, FRIM, Asyik FM, Karyaneka, KL Hop On Hop Off, Gerai OA, Asli Makintan Enterprise, Trigona

Asli Enterprise, Mawar Bekau, Leny Handmade Jewellery, Asli Creeve Enterprise, Sr Glory Empire, Warung Sikin, Temuan Abo Craft, Badrul Craft & Collection, Mamagy Bake House dan Zurina Cooking Chef.

Objektif program ini ialah untuk memberi pendedahan dan penyebaran maklumat kepada masyarakat umum mengenai keunikan masyarakat Orang Asli dan warisan keseniannya. Program ini juga dapat mendokumentasikan setiap maklumat berkaitan masyarakat Orang Asli untuk simpanan dan rujukan pada masa akan datang serta mewujudkan jaringan kerjasama yang erat dengan pelbagai pihak.





Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Perak

Bandar Taiping memiliki keunikan yang tersendiri dan telah diisytiharkan sebagai Bandar Warisan, sekali gus menjadikan Taiping sebagai salah satu destinasi pelancongan. Inisiatif Muzium Perak untuk mengadakan Program Semarak Muzium Taiping: Retrospektif Sejarah ialah satu usaha untuk menyemarakkan kembali aktiviti permuziuman dan sektor pelancongan yang terkesan disebabkan pandemik COVID-19. Program ini juga bertujuan untuk menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat mengenai kepentingan bandar Taiping dalam pensejarahan negara disamping mengembalikan nostalgia silam.

Program Semarak@Muzium berlangsung selama dua hari dari 11-12 Jun 2022. Sambutan program semarak telah dimulakan dengan perarakan kereta *vintage* dari Padang Esplanade ke Muzium Perak diiringi enam buah motosikal Harley Davidson. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Norazman bin Othman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Gimik perasmian menyaksikan siren semboyan digerakkan pemegangnya secara memusing menggunakan kekuatan tangan. Siren ini berfungsi tanpa menggunakan bahan api atau kuasa elektrik dan kekuatan bunyi siren ini bergantung kepada kelajuan putaran pemegangnya. Siren ini pernah digunakan semasa era Perang Dunia Kedua untuk memberi amaran semasa serangan udara pihak musuh. Seterusnya, TKSU (P) bersama YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim dengan diiringi tetamu-tetamu kehormat yang lain turut menanam pokok Gutta Percha di perkarangan Muzium Perak. Pada zaman British, Gutta Percha merupakan salah satu bahan eksport yang terpenting untuk negeri Perak dan pada tahun 1854, kabel dasar laut pertama yang dicipta menggunakan bahan asli Gutta Percha daripada pokok nyatoh taban merah yang berasal dari Tanah Melayu.



Gimik perasmian majlis dengan memainkan siren semboyan



Tanda pelancaran program ini, Yang Berusaha Encik Norazman Bin Othman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) dan YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim telah menanam pokok gutta percha di perkarangan Muzium Perak

Program ini secara tidak langsung juga telah mengembalikan nostalgia zaman 50-an hingga 70-an melalui pakaian, persembahan pentas, pameran kereta/basikal antik, jualan barang-barang antik, termasuklah jualan buku dari Perpustakaan JMM, Kempen Derma Koleksi, persembahan Tarian Kebudayaan dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Perak, persembahan Kugiran Lagu Retro oleh Kumpulan Woohh dari Pulau Mutiara, demonstrasi pembersihan logam dan barang hiasan oleh Bahagian Konservasi Negara JMM, demontrasi dan jualan makanan warisan seperti Rendang Tok dan Bubur Anak Lebah.

Agensi yang terlibat berkolaborasi bersama Muzium Perak dalam menjayakan Pameran Taiping Retrospektif Sejarah adalah Muzium Polis Diraja Malaysia, Muzium Jabatan Penjara Malaysia, Muzium Telegraf Taiping, Galeri Penjara Taiping, Majlis Perbandaran Taiping dan Klinik Kesihatan Teluk Intan. Selain itu, seramai enam orang telah menerima sijil sempena Kempen Derma Koleksi yang diadakan.

Seharusnya muzium perlu menjadi agen penting dalam menyebarkan ilmu pengetahuan dan memberi pendidikan tidak formal kepada semua lapisan masyarakat. Semoga institusi muzium akan terus dekat di hati masyarakat terutamanya generasi muda dan tag line 'Muzium Kita Tamadun Kita' dapat disemarakkan.



Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menandatangani buku lawatan di Galeri Muzium Perak



Lawatan ke Pameran dan Jualan Buku-buku Terbitan Jabatan Muzium Malaysia



Pertandingan Memasak Masakan Retro



Pertandingan Teka Gula-Gula Retro



Lawatan ke Pameran Taiping Retrospektif Sejarah



Pertandingan Karaoke Lagu Retro



Pertandingan Mewarna Keluarga Malaysia



Ybrs. Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) menyampaikan mock up kepada Johan Pertandingan Busana Retro Remaja



Persembahan pentas oleh JKKN dan Kumpulan The Woohh



SEMARAK@TEKSTIL ANJURAN MUZIUM TEKSTIL NEGARA

Oleh: Mulqis bin Abdullah, Muzium Tekstil Negara

Lebih 3000 orang mengunjungi Dataran Muzium Negara sempena Program Semarak@Tekstil yang berlangsung selama dua hari bermula dari 30 hingga 31 Julai 2022. Program Semarak@Tekstil anjuran Muzium Tekstil Negara dengan kerjasama Muzium Negara dan Muzium Muzik ini merupakan program sisipan Pameran Motif dan Reka Corak Tekstil yang sedang berlangsung di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara.

Program Semarak@Tekstil yang diadakan ini bertujuan untuk mempromosi Pameran Motif dan Reka Corak Tekstil serta memberi kefahaman kepada masyarakat tentang kepelbagaian sumber inspirasi penghasilan seni tekstil tempatan. Pameran mini yang diadakan di dewan tengah Muzium Negara memperagakan koleksi tambahan hasil karya pensyarah dan pelajar-pelajar UiTM Machang, Kelantan.

Antara pengisian program sepanjang dua hari ini termasuklah

Pertandingan Runaway@Tekstil, Pertandingan Mewarna Kategori 5 hingga 7 tahun dan 8 hingga 12 tahun, Demonstrasi Pemakaian busana Cik Siti Wan Kembang, Persembahan Muzik, Sembang Tekstil, Pertandingan Mencipta Arca Motif, Demonstrasi Pemakaian busana Puteri Perak, Jom ke Muzium Tekstil Negara (Shuttle percuma), aktiviti DIY Gelang Tiub Bermotif, Kempen Derma Koleksi dan gerai jualan seperti buku terbitan JMM produk tekstil daripada Jabatan Penjara Malaysia dan UiTM Cawangan Kelantan serta barangan kraf dan manik Sarawak.

Penganjuran program ini dilihat dapat memberi nilai tambah kepada muzium dalam usahanya memelihara dan memulihara khazanah negara. Selain itu peranan muzium sebagai pusat pendidikan tidak formal turut dikembangkan dengan pelbagai aktiviti untuk semua lapisan masyarakat.



Sembang Tekstil oleh Encik Mohd Bakri bin Ab Rahman, Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Kelantan



Demonstrasi Pemakaian Cik Siti Wan Kembang



Gerai-Gerai Jualan Tekstil, Kraf & Makanan



Persembahan muzik-muzik tradisional multi-etnik di Malaysia



Pertandingan Mencipta Arca Motif



Pertandingan Mewarna Kategori 5-7 tahun & 8-12 tahun

Pameran Evolusi Baju Seragam Jururawat merupakan salah satu pameran sisipan Muzium Negara dengan kolaborasi bersama Bahagian Kejururawatan, Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menyemarakkan lagi Hari Jururawat Sedunia yang disambut pada tanggal 12 Mei setiap tahun. Tema sambutan Hari Jururawat Sedunia tahun ini ialah *Nurses: A Voice to Lead – Invest in nursing and respect rights to secure global health*. Pameran ini telah diadakan dari 12 Mei 2022 sehingga 12 Jun 2022 di Dewan Tengah, Muzium Negara. Pameran ini menerangkan Hari Jururawat Sedunia, tema sambutan pada tahun ini dan fokus utama pameran iaitu evolusi baju seragam jururawat di Malaysia dari awal tahun 1900 hingga kini. Antara koleksi yang dipamerkan ialah baju seragam jururawat di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak, peralatan merawat pesakit dan foto-foto lama jururawat di sekolah latihan. Melalui pameran ini, para pengunjung dapat mengenali perbezaan baju seragam bagi jururawat, ketua jururawat dan penyelia jururawat. Selain itu, pengunjung juga dapat mengetahui perbezaan bagi setiap jalur warna dan renda yang terdapat pada topi jururawat untuk memahami bidang tugas jururawat.

Pameran ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah, Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah pada 12 Mei 2022. Semasa menyampaikan ucapan perasmian, beliau telah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) amnya dan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) khususnya kerana telah memainkan peranan yang signifikan dalam menyebarkan ilmu sejarah kejururawatan di Malaysia kepada masyarakat. Beliau turut berharap, pada masa hadapan kerjasama di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan JMM dapat dipertingkatkan.

Bersempena dengan pameran ini juga, beberapa program sampingan telah diadakan seperti lawatan berpandu, [Bicara@Muzium](#) dengan topik Evolusi Baju Seragam Jururawat Dan Bidan, [Cerita@Muzium](#) dengan topik Kerjaya

PAMERAN EVOLUSI BAJU SERAGAM JURURAWAT

Oleh: Raja Suriaty binti Raja Ahmed, Muzium Negara



Jururawat, Pengalaman Jururawat melawan COVID-19 dan Jururawat Lelaki dan Pertandingan Masakan Sihat bersama para jururawat. Bicara @ Muzium dan Cerita @ Muzium Negara ini dilaksanakan secara hibrid di Dewan Tengah, Muzium Negara, Dataran Muzium Negara dan laman Facebook Muzium Negara Rasmi. Turut diadakan ialah sesi pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada pengunjung, dan gerai jualan. Selain itu, pihak Muzium Negara turut menawarkan tiket percuma kepada petugas Jururawat yang melawat ke Muzium Negara sepanjang pameran ini berlangsung.

Kesimpulannya, pameran ini telah berjaya menarik pengunjung untuk melawat ke Muzium Negara. Seramai 25,000 orang pengunjung direkodkan melawat ke pameran ini dalam masa sebulan pameran ini dilangsungkan. Statistik yang memberangsangkan ini menunjukkan bahawa selain berfungsi sebagai salah satu produk pelancongan negara, muzium juga merupakan institusi pendidikan tidak formal yang signifikan kepada masyarakat.



Sempena bulan Kemerdekaan, Muzium Negara telah mengadakan Program Fiesta Merdeka@Muzium Negara pada 20 Ogos 2022. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan antaranya lawatan berpandu, jualan dari FAMA, demo masakan, *food truck*, bazar antik, pertandingan mewarna dan persembahan kebudayaan. Kemuncak kepada program ini ialah apabila mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records (MBR)* bagi kategori *Most Participants in 'Makanan Darurat' Cooking Session*. Seramai 376 peserta menyertai program ini yang terdiri daripada 36 agensi/sekolah/Institut Pengajian Awam/Kolej Komuniti/muzium-muzium negeri di seluruh Malaysia. Peserta diminta menyediakan sajian berasaskan ubi kayu.

Tepat jam 9.00 pagi para peserta telah berkumpul di ruang legar Muzium Negara untuk pendaftaran. Setiap kumpulan terdiri daripada 4 orang peserta dan sebanyak 94 kumpulan telah dibentuk. Kumpulan-kumpulan ini dipecahkan pula kepada dua kelompok iaitu sebanyak 47 kumpulan untuk kategori merebus dan 47 kumpulan lagi bagi kategori membakar ubi kayu menggunakan dapur kayu. Masa yang diperuntukan untuk memasak ialah selama 2 jam.

Program telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Norazman Bin Othman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan Seni & Budaya. Turut hadir YBhg Datuk Kamarul Baharin A. Kasim Ketua Pengarah JMM, Encik Mohd Razaimi bin Hamat Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman dan Encik Zamrul Amri Bin Zakaria Pengarah Muzium Negara.

Program ini dapat mengingatkan kembali ketika zaman darurat yang telah dilalui oleh nenek moyang kita dahulu dan seharusnya kita perlu mensyukuri keamanan dan keharmonian yang kita lalui kini.

PENGIKTIRAFAN MALAYSIA BOOK OF RECORDS (MBR) MOST PARTICIPANTS IN 'MAKANAN DARURAT' COOKING SESSION

Oleh: Hapizah binti Saaidin, Muzium Negara





BICARA@
MUZIUM

Permata di Rimba

KUPU-KUPU DAN RAMA-RAMA DI HUTAN MALAYSIA

Oleh: Norshidah binti Mohd Mastura, Muzium Alam Semula Jadi

Malaysia merupakan salah satu negara yang sangat bertuah kerana mempunyai kepelbagaian biodiversiti yang tertinggi di dunia. Kepelbagaian ini dapat dilihat di dalam kumpulan fauna terutamanya kumpulan serangga.

Pada 21 Julai 2022 yang lalu, Muzium Alam Semula Jadi telah menganjurkan satu program Bicara@Muzium yang bertajuk Permata di Rimba: Kupu-kupu dan Rama-rama di hutan Malaysia. Program kali ini menampilkan En. Sofwan Bin Badrud'din, Collection Manager daripada Southdene Sdn. Bhd sebagai panel jemputan dan Puan Norshidah Binti Mohd Mastura, Penolong Kurator Muzium Alam Semula Jadi sebagai moderator program. Tujuan program ini diadakan ialah berkongsi pengetahuan kepada orang ramai mengenai perbezaan struktur morfologi yang membentuk kumpulan kupu-kupu dan rama-rama. Selain itu enam keluarga kupu-kupu dan beberapa keluarga rama-rama serta habitat, tingkah laku dan kepentingan mereka turut dibincangkan bagi memberi pemahaman dan menghargai sumber khazanah alam semula jadi yang dimiliki. Program ini juga bertujuan mengetengahkan keperluan dan pemeliharaan kumpulan fauna ini dalam ekologi.

Menurut Encik Sofwan, kupu-kupu dan rama-rama mempunyai banyak warna serta tiga jenis pewarnaan yang terdiri daripada dua warna pigmen dan satu warna struktur. Apabila cahaya terkena pada sisik kupu-kupu atau rama-rama, sisik tersebut akan memantulkan cahaya matahari. Pantulan cahaya inilah yang membuatkan sayap kupu-kupu kelihatan seperti warna hijau, biru dan ungu. Seterusnya En. Sofwan membicarakan beberapa lagi isi menarik iaitu bahagian mulut Lepidoptera. Lepidoptera merupakan order serangga yang terdiri daripada kupu-kupu dan rama-rama. Haustellum merupakan salah satu alat terdapat di bahagian mulut kupu-kupu dan rama-rama yang berada dalam kumpulan glossata. Ianya berfungsi seperti straw ketika menghisap nektar bunga. Jika kupu-kupu ingin menghisap nektar



Puan Norshidah binti Mohd Mastura, Penolong Kurator Muzium Alam Semula Jadi sebagai moderator program



Encik Yasser bin Mohamed Arifin daripada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA) mengajukan soalan kepada panel jemputan



Encik Sofwan bin Badrud'din, Collector Manager Southdene Sdn Bhd merupakan panel jemputan untuk program Bicara@Muzium siri 2 kali ini

bunga haustellum akan menutup seperti zip dan ianya akan terpisah jika kupu-kupu ingin membersihkan dirinya daripada kotoran debunga (pollen).

Amat menarik topik yang dibicarakan kali ini, dimana pembentang turut menerangkan tentang mikrografik perbezaan dua struktur *Sensilla Styloconica* yang terdapat di haustellum. Perbezaan ini memberikan maksud tidak semua kupu-kupu mendapatkan sumber makanan daripada bunga malah ada sebahagian daripada kupu-kupu dan rama-rama ini memperoleh sumber daripada mineral yang ada di tanah, jeram, najis dan bangkai haiwan. Encik Sofwan turut berkongsi info tentang sisik rama-rama yang lebih tebal berbanding sisik kupu-kupu. Beliau memberi jawapan yang sangat menarik kerana rama-rama adalah aktif pada waktu malam dan ketebalan sisik amat membantu untuk melindungi diri daripada kelawar. Sisik tebal juga membantu menyerap dan menyerakkan isyarat ultrasonik

kelawar, secara tidak langsung dapat menutup lokasi rama-rama.

Seramai 56 orang peserta telah hadir menyertai program ini dan kebanyakan peserta terdiri daripada agensi-agensinya kerajaan seperti Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA), Muzium Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) dan lain-lain.

Melalui program ini dapat membuktikan kepentingan Muzium Alam Semula Jadi dalam penyebaran maklumat yang sahih serta perkongsian daripada pakar-pakar pelbagai bidang selain mewujudkan platform bagi kerjasama pintar. Selain itu, program ini juga merupakan satu usaha meningkatkan kesedaran, kefahaman serta penghayatan mengenai pentingnya memelihara dan memulihara khazanah alam semula jadi negara.



BICARA@
MUZIUM

“KELESTARIAN TAPAK-TAPAK BERSEJARAH LABUAN DARI SUDUT PANDANG KONSERVASI DAN ARKEOLOGI”

Oleh: Zainon Halon, Muzium Chimney

Pada 25 Jun 2022, Muzium Chimney membuka tirai Program Bicara@Muzium bagi muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan dengan topik “Kelestarian Tapak-Tapak Bersejarah Labuan Dari Sudut Pandang Konservasi Dan Arkeologi” bertempat di Dewan Seminar Rafflesia, Ujana Kewangan Labuan. Program ini telah menampilkan dua orang panel jemputan iaitu Yang Berusaha Encik Ruzairy Bin Arbi, Pengarah Bahagian Arkeologi Jabatan Warisan Negara dan Yang Berusaha Puan Wan Noazimah Binti W. Kamal, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Konservasi Jabatan Warisan Negara. Sesi bual bicara ini telah disertai seramai 81 orang peserta daripada agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan, aktivis masyarakat, penggiat media dan pelancongan, wakil penduduk-penduduk kampung serta para pelajar daripada beberapa buah IPTA di sekitar Wilayah Persekutuan Labuan.

Pembentangan oleh panel-panel jemputan telah memaparkan pelbagai usaha pengekalan tapak-tapak bersejarah di Labuan serta di Malaysia amnya selain cabaran-cabaran yang dihadapi bagi memastikan kelestarian tapak-tapak bersejarah negara seiring dengan arus perkembangan globalisasi. Menurut Encik Ruzairy dalam topik pembentangan beliau “Relevansi Tapak Arkeologi Labuan Sebagai Tapak Warisan Negara” menyatakan Labuan mempunyai sebanyak 18 buah tapak arkeologi yang telah dikenalpasti serta berpotensi untuk dibangunkan sebagai tapak warisan yang terdiri daripada 10 tapak di darat dan 8 tapak di bawah air. Antara tapak arkeologi utama Labuan ialah Pulau Burong dan Pulau Enoe dimana kerja-kerja ekskavasi yang dilakukan oleh Tom Harrison, Kurator Muzium Sarawak pada tahun 1960 telah menemukan tulang manusia, pecahan tembikar zaman Dinasti Ming serta alat batu yang dihasilkan manusia prasejarah zaman Neolitik. Seterusnya pada tahun 1997, kerja-kerja ekskavasi yang signifikan dengan sejarah awal Labuan telah dijalankan di tapak Menara Chimney di Tanjung Kubong oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti dengan penemuan ribuan komponen bekas jentera dan peralatan perlombongan arang batu, pelbagai serpihan seramik dan artifak batu bata buatan Inggeris. Menurut beliau lagi, tapak-tapak bersejarah tersebut juga khususnya sekitar kawasan Tanjung Kubong yang sememangnya memiliki banyak tapak serta monumen bersejarah industri perlombongan arang batu terawal di Malaysia berpotensi dijadikan arkeopelancongan sekaligus menjadi salah satu produk tarikan baharu.

Puan Noazimah Binti W. Kamal pula membentangkan topik “Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia” menyatakan pemuliharaan bangunan warisan merupakan satu aspek penting dalam usaha mengekalkan sejarah dan budaya bangsa kerana ianya mempunyai nilai tersurat dan tersirat terhadap kebudayaan masyarakat setempat. Malahan pemuliharaan bangunan warisan dapat meningkatkan ekonomi di sektor pelancongan, memberi peluang mendidik serta membentuk minda generasi muda ke arah penghayatan warisan dan khazanah negara. Dalam pembentangan beliau, turut diketengahkan beberapa aktiviti

pemuliharaan bangunan-bangunan warisan di Malaysia antaranya Masjid Lama Kampung Kuala Dal, Kuala Kangsar Perak, Rumah Melayu No.41, Chow Kit Kuala Lumpur, Rumah Teh Bunga, Pulau Pinang dan Rumah Penghulu Natar, Merlimau Melaka.

Selesai sesi bual bicara, telah diadakan aktiviti Muzium Bersama Komuniti bertempat di ruang legar Teratai Square oleh ketiga-tiga buah muzium di Wilayah Persekutuan Labuan dan juga Bahagian Pengurusan Konservasi Jabatan Muzium Malaysia. Antara aktiviti yang telah diadakan ialah pameran “Sejarah Perlombongan Arang Batu di Labuan”, pameran “Gasing Permainan Tradisional”, pameran “Belut Dan Awetan”, demonstrasi *Casting* dan *Moulding*, Mini Ekskavasi Arkeologi, Eksplorasi Muzium Dan Sejarah, mewarna kanak-kanak, kuiz sejarah, teka berat arang batu dan berat gasing, teka jumlah serpihan seramik dan teka isi balang marin. Seramai 700 orang pengunjung daripada pelbagai peringkat lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan telah menyertai program ini.





SEMPENA PAMERAN DUNIA NAGA: MITOS & LAGENDA

Oleh: Zulita binti Yahya, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Pada 7 Julai 2022, satu program Bicara@Muzium Negara telah diadakan di Dataran Muzium Negara. Program bicara ini diadakan bersempena dengan Pameran Dunia Naga Mitos & Lagenda yang sedang berlangsung di Galeri Dua, Jabatan Muzium Malaysia bermula dari 9 Jun hingga 30 Oktober 2022.

Program bicara ini menampilkan dua orang panel jemputan iaitu Dr. Wahiza Abdul Wahid daripada Jabatan Pengajian Budaya Visual, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Dr. Azharudin Mohamed Dali daripada Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, sementara En. Mohd. Nasrulamiazam bin Mohd Nasir, Timbalan Pengarah Muzium Negara bertindak sebagai moderator.

Panel pertama Dr. Wahiza Abdul Wahid telah membicarakan topik tentang "Naga Dalam Apresiasi Seni". Pada sesi pembentangan beliau, Dr. Wahiza menerangkan pengenalan tentang naga yang mana ia merupakan imej paling ikonik dalam seni fantasi, serta perbandingan ciri-ciri naga dalam karya-karya seni mengikut era yang bermula dari zaman kuno klasik sehingga kini. Motif dan figura naga ini boleh dilihat pada hasil karya yang dicipta oleh manusia seperti yang terdapat pada tembikar, seramik, perhiasan perisai, catan, candi, hulu dan mata keris serta banyak lagi. Menurut Dr. Wahiza, setiap motif naga yang dihasilkan pada arca-arca seni ini berbeza mengikut peredaran zaman dari segi bentuk, warna dan penampilannya kerana ia bergantung kepada bahan yang digunakan.

Sementara itu, panel kedua Dr. Azharudin Mohamed Dali pula membentangkan topik berkenaan "Menggarap Tradisi Ular-Naga dalam Tradisi Melayu". Pengenalan pembentangan beliau menerangkan ular-naga telah menjadi satu aspek sosio-budaya dan kesenian yang penting bagi sebahagian masyarakat di dunia sejak zaman silam sehingga kini, malah ia juga seringkali dikaitkan dengan kisah mistik haiwan yang bersaiz besar dan dipercayai mampu terbang dan boleh mengeluarkan api dari mulutnya. Dalam tradisi Melayu juga kisah ular-naga turut menjadi kisah lagenda dan mistik dalam kalangan orang Melayu. Beberapa kisah ular-naga turut menjadi bualan sehingga kini umpamanya kisah ular-naga di Tasih Chini, Pahang dan Langkawi, Kedah. Menurut beliau, dalam konteks tradisi Melayu, wujud campuran antara mitos, mistik dan sejarah dalam memahami kepercayaan dan kewujudan tradisi ular-naga kerana ia wujud dalam pemikiran, kesusteraan mahupun dalam simbol perbuatan.

Seramai lebih kurang 150 peserta yang terdiri daripada para pelajar universiti, pensyarah akademik, penyelidik bebas serta kakitangan JMM turut serta dalam program bicara ini. Pada akhir program Bicara@Muzium Negara ini juga turut diadakan sesi soal jawab dimana para peserta program diberi peluang mengutarakan soalan kepada para pembentang. Melalui program bicara ini masyarakat dapat mengetahui tentang naga yang menjadi simbol dalam karya seni, kesusteraan dalam kehidupan manusia dan lagenda tentangnya masih dibincangkan sehingga kini.





LAWATAN KEDUTAAN
MALDIVES KE JMM -
25 MEI 2022



LAWATAN KEDUTAAN
THE UNITED REPUBLIC OF
TANZANIA KE MUZIUM
NEGARA -
9 JUN 2022




LAWATAN PYT NANAIA
MAHUTA, MENTERI LUAR
NEGERI NEW ZEALAND
KE MUZIUM SENI KRAF
ORANG ASLI -
9 OGOS 2022



MAJLIS PERSARAAN
EN. MOHD SUPARMAN
BIN MISKAM -
29 JULAI 2022



Poster Program Muzium





“EVOLUSI REKABENTUK PROTON”

Oleh: Aina Aqilah binti Zulkarnain, Muzium Automobil Nasional

Pada 11 Ogos 2022 (Khamis) Muzium Automobil Nasional telah mengadakan program *Bicara@Muzium* yang bertajuk “Evolusi Rekabentuk Proton” di Welcome Centre Litar Antarabangsa Sepang. Program telah kendalikan oleh Encik Mohd Saufi bin Ahmad, Eksekutif Kanan, Pentadbiran Kejuruteraan PROTON selaku moderator bicara ini, Encik Azlan bin Othman, Ketua Pereka, Reka bentuk PROTON dan Encik Zafaruddin bin Shamsudin, Pereka Kanan, Reka bentuk PROTON selaku ahli panel.

Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd (PROTON) merupakan syarikat pengeluar kereta nasional yang pertama di Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1983 dan diberikan tanggungjawab untuk menerajui industri. Proton Saga merupakan kenderaan nasional pertama yang berjaya dihasilkan dan seterusnya menyaksikan PROTON terus berevolusi dalam menghasilkan pelbagai model kenderaan nasional seiring dengan kemodenan dan reka bentuk semasa.

Pengisian program ialah untuk melihat perkembangan reka bentuk PROTON dari tahun 2002 sehingga kini dan ilham disebalik reka bentuk kenderaan PROTON. Ahli panel menekankan bahawa reka bentuk sesebuah model kenderaan yang dihasilkan, secara dasarnya dipengaruhi oleh logo PROTON pada waktu tersebut. Selain itu, evolusi reka bentuk PROTON turut dipengaruhi oleh keadaan semasa. Ini bagi memastikan rekaan yang dihasilkan seiring dengan kemodenan dan reka bentuk semasa agar PROTON mampu bersaing dan setara dengan syarikat pengeluar kenderaan yang lain.

Pada peringkat awal penghasilan reka bentuk kenderaan PROTON, masih tidak begitu kukuh memandangkan syarikat ini baru ditubuhkan dan tidak berpengalaman. Walaubagaimanapun, saban tahun penelitian terhadap perincian reka bentuk PROTON ditekankan dalam membawa PROTON kepada satu tahap yang baru. Reka Bentuk PROTON telah dikendalikan oleh PROTON *Design* yang dipecahkan kepada 9 bahagian iaitu *Advanced Design, Vehicle Design, Colour Design, Digital Marketing, Physical Modelling, Visualization, Design Quality, Design Management dan Studio Management*.

Pemilihan reka bentuk PROTON pula akan melalui beberapa proses dari segi enjin, keselamatan dan sebagainya. Proses yang perlu dilalui di dalam pemilihan reka bentuk adalah *Management, Research, Development, Trim and Finish, Visualizing dan Modelling*. Ini bagi menghasilkan satu rekaan kenderaan yang terbaik. Selain itu turut diadakan kerjasama dan pelbagai program seperti bahagian di dalam pertandingan reka bentuk, melakukan program pertukaran pekerja serta mengadakan kerjasama dan lawatan ke syarikat pengeluar kenderaan di luar negara seperti di Jepun, China, Itali, Jerman dan Perancis. Sebagai penutup bicara, ahli panel menyatakan bahawa dalam menghasilkan sesebuah reka bentuk terdapat pelbagai aspek dititikberatkan terutama sekali kos pengeluaran. Sehubungan itu, bagi memastikan kenderaan yang dikeluarkan adalah mampu dimiliki dan seiring dengan teknologi semasa pelbagai perincian perlu diambil kira.





**BICARA@
MUZIUM**

Melayu Timur Tengah: MENELUSURI MELAYU DI BUMI ANBIYA'

Oleh: Siti Nur Afifa binti Mohamed Johari, Pelajar Latihan Industri Muzium Etnologi Dunia Melayu

Bicara@Muzium merupakan satu landasan kepada kurator, ahli akademik, ahli profesional dan aktivis muzium untuk membentangkan hasil penyelidikan, kepakaran dan pengalaman mereka dalam pelbagai topik dan bidang. Pada 25 Ogos 2022, Program Bicara@Muzium bertajuk Melayu Timur Tengah: Menelusuri Melayu di Bumi Anbiya' telah berlangsung di Dataran Muzium Negara dan dianjurkan oleh Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM). Pembentang utama program ini ialah Prof. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh yang berpengalaman luas dalam mengkaji diaspora Melayu dan Tuan Astora Toramae (Astora Jabat) yang pernah menetap di Kaherah, Mesir.

Pada kali ini, program ini berdiskusi mengenai kehidupan masyarakat Melayu di Timur Tengah dan cara mereka mengekalkan adat dan budaya Melayu dalam tamadun asing. Kupasan tersebut secara langsung mencapai objektif program untuk mendedahkan ilmu kepada masyarakat tentang Dunia Melayu serta meletakkan muzium sebagai gedung untuk penyebaran dan pengembangan ilmu.

Sambutan yang diterima amat menggalakkan dengan dihadiri seramai 215 peserta dan 350 penonton secara maya menerusi laman Facebook MEDM. Program keilmuan sebegini telah memberi peluang kepada MEDM untuk mengadakan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak.

Menurut sejarah, masyarakat Melayu dikatakan sudah menetap di Timur Tengah, terutamanya di Tanah Arab seperti di Mekah dan Madinah, melalui kegiatan pengembaraan dan pelayaran kira-kira 200 tahun lalu. Walaupun terdapat beberapa penempatan masyarakat Melayu yang sudah lama bertapak di Timur Tengah, namun sehingga kini masih ramai yang belum mengetahui kewujudannya. Antara orang Melayu yang berjaya menjadi ulama' Nusantara tersohor ialah Sheikh Daud al Fathani, Syeikh Abdus Samad Al-Falembani dan Syeikh Mohammad Said Al-Linggi yang terkenal di Mekah. Justeru, perkongsian ilmu ini penting bukan sahaja untuk masyarakat Melayu mengenali dan memahami kemahiran 'survival' bangsa Melayu itu sendiri, dan bagaimana mereka mengadaptasi adat dan budaya Timur Tengah.

Kandungan pengisian juga menyentuh migrasi dan etnografi bangsa Melayu di Tanah Arab, khususnya di Arab Saudi. Migrasi tersebut telah membawa perubahan dari masa ke semasa terhadap jumlah masyarakat Melayu yang bermastautin dan menetap di Tanah Arab. Kehidupan rumpun Melayu di Tanah Arab dari segi kegiatan, keadaan dan budaya yang diamalkan di Tanah Arab termasuklah di Arab Saudi dan Yaman dikupas lanjut oleh pembentang. Para pembentang, selain turut berkongsi pengalaman mereka semasa mengembara dan menetap di Tanah Arab.



BUSANA DAN BARANG PERHIASAN MASYARAKAT AWAL KEDAH

Oleh: Mohd Faudzi bin Sulaiman, Muzium Arkeologi Lembah Bujang



“ Indah Cantik Pandangan Bendang
Pisang Rastali Beli Di Gurun
Songket, Batik , Sampin dan Selendang
Tenunan Asli Turun- Temurun

Baju Kurung Pakaian Asli
Turun Temurun Bangsa Melayu
Lagi Cantik Bertambah Seri
Di Pandang Lama Rasa Tak Jemu ”

Ini adalah antara bait-bait pantun yang dimulai pada Program Bicara @ Muzium: Busana dan Barangan Perhiasan Masyarakat Awal Kedah yang diadakan di Galeri 2, Muzium Arkeologi Lembah Bujang (MALB) pada tanggal 13 Jun 2022. Program ini bertujuan untuk menyebarkan dan memperkembangkan ilmu pengetahuan berkenaan sejarah busana dan barangan perhiasan diri yang digunakan oleh masyarakat awal di negeri ‘Kedah Zamin Turan’ (yang tercatat di dalam hikayat Merong Mahawangsa). Program ini juga bertujuan menyemarakkan lagi fungsi dan peranan muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal dan rujukan masyarakat dari aspek sejarah dan budaya.

Program telah dimulakan pada jam 9.30 pagi dengan bacaan doa oleh Ustaz Rahim bin Baharom. Bicara kali ini menjemput pakar busana dan perhiasan diri yang tidak asing lagi iaitu Puan Zubaidah binti Sual @ Syawal. Beliau ditemani oleh moderator Tuan Haji Zulkifli bin Jaafar yang juga mantan Pengarah Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Peserta- peserta bengkel sebahagian besarnya adalah daripada persatuan dan aktivis – aktivis busana dari Kedah, agensi-agensi kerajaan dibawah MOTAC, UiTM Kedah dan guru-guru dari beberapa buah sekolah sekitar Merbok. Program ini diserikan juga dengan pameran dan jualan senjata traditional Melayu, pertandingan busana tercantik, persembahan qhosidah dan bacaan sajak.

Dalam perbentangan beliau, Puan Zubaidah Sual menyatakan bahawa pada peringkat awal masyarakat Kedah pemakaian busana dan perhiasan diri amatlah sukar untuk dikaji kerana kekurangan sumber rujukan . Namun begitu hasil kajian beliau mendapati terdapat pertembungan budaya diantara masyarakat tempatan dan pedagang-pedagang asing yang datang berdagang ke Lembah Bujang. Pedagang-pedagang yang datang bukan sahaja berdagang tetapi turut menyebarkan adat dan kepercayaan keagamaan mereka. Pada ketika itu kapal-kapal perdagangan perlu menunggu pertukaran angin monsun timur laut dan angin monsun barat daya yang mengambil masa selama 6 bulan, maka pedagang- pedagang itu menetap sementara di Lembah Bujang, dan berlakunya perkahwinan campur dengan masyarakat tempatan.



Pakaian harian biasa lebih santai manakala untuk urusan rasmi mereka berbusana mengikut darjat kebangsawanan mereka. Pertembungan budaya bukan sahaja berlaku diantara bangsa asing dan tempatan tetapi juga diantara suku dan puak. Sebagai contoh selepas Sultan Abdul Halim Muadzam Shah berkahwin dengan Tuanku Hajjah Bahiyah Ibni AlMarhum Tuanku Abdul Rahman dari Negeri Sembilan , beliau menggunakan hiasan kepada atau tengkolok “Dendam Tak Sudah” yang merupakan destar berasal dari Negeri Sembilan. Beberapa contoh gambar cara pemakaian masyarakat Kedah turut disertakan. Secara umumnya masyarakat Kedah bagi kaum lelaki memakai Baju Sikap dan Baju Melayu Cekak Musang, dan kaum wanita pula mengenakan Baju Kurung, Baju Kebaya dan Baju Kedah. Program turut menyaksikan pertandingan Busana Tercantik di mana peserta yang sebahagian besarnya berbusana traditional Melayu menyertai pertandingan ini. Selain itu diadakan juga bacaan Qhosidah oleh kumpulan aktivis Melayu Jabal Jerai dan bacaan sajak oleh saudara Che Ros Rajawali dari Merbok, Kedah.





MUZIUM KOTA KUALA KEDAH

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah

Pada 24 Mei 2022, Muzium Kota Kuala Kedah sekali lagi mengadakan Program Bicara@Muzium. Tiga orang pembentang kertas kerja telah dijemput khas untuk Program kali ini iaitu Encik Mohd Herman bin Roslan, Arkib Negeri Kedah dengan tajuk Kuala Kedah: "Kota Maritim Dari Sudut Perancangan Bandar", YBhg. Prof. Madya Dr. Rohani binti Ab Ghani, Universiti Utara Malaysia membentangkan tajuk "Pendekatan Baru Pensejarahan Di Malaysia" dan YBrs. Dr. Zulhilmi bin Paidi, Universiti Utara Malaysia membahaskan tajuk "Dinamisme Warisan Budaya Bangsa di Kedah". Program ini telah mencatatkan penyertaan peserta seramai 125 orang yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, siswa dan siswi Universiti Utara Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Kedah dan orang perseorangan. Program ini turut dihadiri oleh Ahli Parlimen Kuala Kedah YB Dr. Azman Bin Ibrahim.

Menurut Encik Mohd Herman bin Roslan, Kota Kuala Kedah adalah antara Kota Melayu tertua di Semenanjung Tanah Melayu dan menjadi benteng pertahanan utama bagi negeri Kedah sejak zaman dahulu. Kota Kuala Kedah turut berperanan sebagai pusat perdagangan dan pusat pentadbiran. Keadaan geografi dan persekitaran muara Sungai Kedah menyebabkan kawasan ini sesuai untuk dibina sebuah kota yang mampu menahan serangan musuh. Selepas mencapai kemerdekaan, kemajuan Kota Kuala Kedah mula berpindah ke kawasan Seberang Nyonya.

Setelah 40 tahun berlalu Kota Kuala Kedah yang pernah melalui zaman kegemilangan, kini kembali sepi daripada sebarang perkembangan sama ada dari sudut penyelidikan, pelancongan dan ekonomi setempat. Antara cabaran yang dilalui dalam pemerkasaan Kota Kuala Kedah ialah pembangunan yang tidak terancang

(ad hoc), pembangunan yang membelakangkan fungsi tetapi lebih kepada saiz dan estetika dan pembangunan yang membelakangkan keperluan dan tradisi penduduk setempat.

YBhg. Prof. Madya Dr. Rohani binti Ab. Ghani membentangkan kajian berkaitan bidang sejarah yang merupakan ilmu bersifat gunaan apabila Ibn. Khaldun (1986) menyatakan bahawa sejarah (fann al – Tarikh) merupakan catatan tentang masyarakat manusia. Di Malaysia pendekatan bidang 'sejarah baru' iaitu sejarah gunaan tanpa mengeneipkan tentang aspek kebenaran fakta dan kepentingan masa lalu dan meramalkan masa hadapan menggabungkan akademik sejarah tradisional dengan sejarah awam. Menurut beliau muzium pada awalnya disifatkan sebagai "sekolah gambar" yang mempamerkan koleksi artifak, arkeologi dan gambar-gambar bersejarah. Dengan pertambahan tenaga professional serta peningkatan kesedaran dan pengetahuan tentang bidang muzium telah berjaya membentuk imej yang lebih dinamik serta mengubah pandangan masyarakat terhadap muzium.

Pembentang terakhir YBrs. Dr. Zulhilmi bin Paidi memaklumkan berdasarkan kajian beliau warisan budaya bangsa dapat ditonjolkan demi kepentingan negara Malaysia. Diantara kepentingan yang dapat dilihat melalui warisan budaya adalah akar umbi sejarah negara, lambang ketamadunan, peringatan dan pengajaran masa lampau dan alat perpaduan. Justeru itu faktor-faktor yang mempengaruhi dinamisme warisan bangsa dapat dilihat melalui sumbangan kerajaan, sistem pendidikan, undang-undang, nilai warisan dan pembangunan. Melalui program bicara seperti ini, perkongsian ilmu diantara tokoh akademik dan pengkaji sejarah dapat dipertingkatkan lagi.



BENGGEL EPIGRAFI KEDAH TUA

Oleh: Mohd Faudzi bin Sulaiman, Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Buat kali pertamanya dalam sejarah ilmu epigrafi khususnya epigrafi Kedah Tua telah diadakan suatu Bengkel Epigrafi Kedah Tua di Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Bengkel yang diadakan pada 3 & 4 Julai 2022 telah berjaya menarik 30 orang peserta. Diantara peserta-peserta yang hadir termasuklah Pensyarah – pensyarah Kanan UiTM Seri Iskandar Perak, UiTM Merbok, Kedah, UIA Kuantan, IPG Penang, guru-guru kanan, wakil NGO dari The Patriots, Histourism dan aktivis-aktivis sejarah dari Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

Bengkel ini dibawah seliaan Dr Nasha Rodziadi Khaw, Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia. Beliau adalah satu-satunya pemegang Phd dalam Epigrafi di Malaysia yang mempunyai kepakaran dalam Bahasa Sanskrit, Melayu Kuno dan Jawa Kuno serta kemahiran dalam tulisan Pallava dan Pasca Pallava.

Bengkel ini diadakan untuk memberikan pendedahan dan pengenalan asas kepada tulisan dan bahasa yang pernah digunakan di Kedah Tua pada suatu ketika dahulu. Bengkel selama 2 hari ni terbahagi kepada 3 bahagian iaitu:

- i) Pengenalan kepada sejarah politik, evolusi dan perkembangan sistem penulisan di Kepulauan Melayu dari Abad ke 2 hingga abad ke 13 Masihi.
- ii) Pengenalan kepada Bahasa Brahmin dan kaedah pembacaannya.
- iii) Latihan amali


Dr Nasha Rodziadi Khaw menegaskan bahawa tulisan Pallava adalah evolusi daripada tulisan Brahma yang kemudiannya berkembang ke seluruh India dan Asia Tenggara. Tulisan ini terus berevolusi sekitar abad ke-6 Masihi dan menjadi sebahagian daripada tulisan kerajaan Srivijaya dengan perubahan bentuk beberapa huruf. Daripada tulisan inilah muncul 9 jenis tulisan lain iaitu Jawa, Lampung, Thai, Khmer, Lao, Cham Kemboja, Cham Viet dan Tagalog.

Tulisan Pallava sangat penting dalam dunia akademik kerana banyak menjawab persoalan kepada tamadun-tamadun sekitar Alam Melayu melalui aksara di candi dan inskripsi. Memahami asas aksara Pallava juga memudahkan pengkaji melihat evolusi bentuk tulisan pada setiap zaman. Sepanjang ekskavasi Arkeologi di Lembah Bujang terdapat 11 buah inskripsi telah di temui iaitu Inskripsi Bukit Meriam, Inskripsi Cherok Tokkun, Inskripsi Buddhagupta, Inskripsi Bukit Choras (Tapak Satu), Inskripsi Kampung Pendi (Tapak 2), Inskripsi Kepingan Perak Tapak 10, Inskripsi Kepingan Emas Tapak 8, Inskripsi Kepingan Bata Pengkalan Bujang, Inskripsi Sungai Mas Inskripsi Cembul Perak Tapak 14 dan Inskripsi Sungai Batu,

Membaca tulisan Pallava tidaklah sukar jika seseorang itu memahami abjad dan kosa kata namun yang menjadi masalah ialah banyak tulisan di inskripsi dan candi menggunakan bahasa Sanskrit dan pengkaji perlu memahami bahasa Sanskrit. Inskripsi yang menggunakan Bahasa Melayu kuno atau pasca Pallava mula muncul apabila Srivijaya menjadi kerajaan maritim yang dominan.

Dr Nasha turut berpesan bahawa tidak salah hendak menjadikan sejarah sebagai sumber jati diri, tetapi yang salahnya ialah apabila kita mengkaji sejarah semata-mata untuk memenuhi nafsu nasionalisme etnik kita. Sejarah harus bebas dari elemen-elemen seperti nasionalisme dan usaha untuk mengangkat etnik tertentu sahaja.

Secara keseluruhan program bengkel Epigrafi Kedah Tua berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai matlamatnya. Kejayaan bengkel pada kali ini telah memacu semangat penceramah dan Muzium Arkeologi Lembah Bujang untuk meneruskan siri selanjutnya pada tahun hadapan.



Senam Sihat

MUZIUM DAN KOMUNITI DI MUZIUM CHIMNEY

Oleh: Zainon Halon, Muzium Chimney



Kepentingan dan manfaat bersenam bukan sahaja membuatkan badan lebih sihat tetapi dapat membantu mengurangkan risiko pelbagai penyakit. Sehubungan itu, pada 14 Ogos 2022, Muzium Chimney buat julung kalinya telah menganjurkan Program Senam Sihat Muzium dan Komuniti yang bermatlamat utama mempromosi amalan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat dan juga kakitangan muzium dan secara tidak langsung menarik minat komuniti mendekati muzium melalui pelbagai acara yang dianjurkan. Melalui program ini ia turut menyasarkan aktiviti bagi menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan dan kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.

Seawal 7.30 pagi, para peserta pelbagai lapisan hadir dengan berpakaian bertemakan kain batik dan pelikat berkumpul di perkarangan

Muzium Chimney. Suasana tersebut secara tidak langsung menggambarkan perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Program yang disertai seramai 130 orang peserta ini juga merupakan tanggungjawab sosial muzium mempromosi selain memartabat pemakaian kain batik dan pelikat yang merupakan identiti rakyat Malaysia. Penganjuran program telah mendapat kerjasama daripada Persatuan Kecergasan Labuan yang diketuai oleh Encik Tony Macho selaku instruktur senaman. Antara acara sampingan yang turut diadakan ialah acara simbolik mengibar Jalur Gemilang, peraduan turun berat badan singkat, peraduan pakaian paling unik dan cabutan bertuah. Program telah berakhir pada jam 10.00 pagi dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang acara serta sijil penyertaan.



Dengan penganjuran program-program sosial sebegini diharap dapat memberi manfaat berpanjangan khususnya dalam memupuk hubungan erat di antara pihak muzium dengan komuniti setempat dan bersama-sama menyokong usaha pengekalan pelbagai warisan sejarah dan budaya negara selaras dengan gagasan "Keluarga Malaysia Teguh Bersama".

Program Ceria@Muzium

"SENI HIAS MEMBUAT WAU"

Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang

Pada 18 Jun 2022 (Sabtu) Muzium Matang telah menganjurkan program Ceria@Muzium "Seni Hias Membuat Wau". Permainan wau ialah sukan tradisi yang semakin kurang mendapat perhatian apabila generasi muda masa kini lebih selesa dengan permainan video atau gadget sebagai aktiviti untuk mengisi masa lapang. Melalui bengkel ini peserta diajar tentang teknik yang betul dalam pembuatan wau dari segi membuat kerangka, mengukur, dan melukis.

Program yang bermula pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang ini telah disertai seramai 45 orang peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah di sekitar daerah Larut Matang dan Selama. Sempena program ini Muzium Matang telah menjemput Encik Mohamad Nor sebagai tenaga pengajar dan dibantu oleh guru-guru pengiring. Setiap peserta dibekalkan dengan buluh yang telah diraut seterusnya buluh tersebut perlu dibentuk dan diikat dengan menggunakan benang jenis linen bagi proses penyediaan kerangka wau.

Kerangka wau yang telah siap dibentuk dan diikat dengan kemas seterusnya akan dihiasi dan dibaluti dibahagian permukaannya dengan menggunakan kertas warna. Proses pembuatan wau memerlukan ketelitian dan kesabaran yang tinggi bagi menghasilkan wau yang cantik dan kemas serta mudah naik ke udara. Di akhir program lima orang pelajar telah dipilih sebagai pemenang yang dinilai dari segi kekemasan struktur kerangka dan hiasan wau yang menarik serta kreatif. Pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, telah berjaya menjadi johan dalam program tersebut.



Tempat kedua dimenangi oleh pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kelian Pauh manakala tempat ketiga Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Menteri.

Program tersebut telah berjalan dengan jayanya dan diharap dengan adanya program sebegini dapat memberi pendedahan kepada pelajar disamping dapat memupuk minat terhadap sukan tradisi supaya ia tidak luput ditelan zaman. Wau adalah permainan tradisi yang harus dikekalkan dan sekiranya dimainkan secara berkumpulan ia lebih menyenangkan malah dapat mengekang budaya anti sosial yang dilihat semakin ketara terutamanya bagi golongan pelajar.

PROGRAM JANGKAUAN LUAR SEMPENA BULAN KEBANGSAAN

Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang

PAMERAN SEJARAH PENUBUHAN MALAYSIA

Pada 1 Ogos 2022 Muzium Matang telah dijemput untuk mengadakan pameran di Sekolah Kebangsaan Seri Aman, Taiping, sempena Sambutan Bulan Kebangsaan. Pada program tersebut Muzium Matang telah mengadakan pameran bertajuk "Sejarah Penubuhan Malaysia". Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Pegawai Pendidikan Daerah Taiping.

Sempena pameran tersebut turut diadakan aktiviti interaktif yang disertai oleh pelajar-pelajar seperti permainan *puzzle*, pertandingan mewarna, pertandingan rekacipta menggunakan barang terpakai dan pertandingan kuiz. Program ini juga turut dihadiri oleh pelajar-pelajar dan guru-guru di sekitar daerah Larut Matang dan Selama. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran seramai 710 orang. Pameran ini mampu memberi informasi yang lebih lanjut mengenai artifak lain yang dipamerkan di Muzium Matang, selain dapat meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap fungsi dan peranan muzium.



PAMERAN WIRA TIDAK DICANANG

Pada 30 Ogos 2022 Muzium Matang telah mengadakan program jangkauan luar sempena Sambutan Bulan Kebangsaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Matang, Perak. Majlis yang bermula dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari tersebut telah dirasmikan oleh CP Dato' Abd Rashid bin Harun iaitu Pesuruhjaya Polis Sabah. Tujuan program diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan ke-65 bertemakan Keluarga Malaysia Teguh Bersama.



Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti pameran, perarakan dari Kota Nгах Ibrahim ke Sekolah Menengah Kebangsaan Matang, persembahan silat, tayangan video kemerdekaan, ceramah kemerdekaan, pertandingan busana tradisional, demonstrasi lipatan tengkolak dan demonstrasi makanan tradisi masyarakat Melayu, Cina dan India.

Majlis perarakan dari Kota Nгах Ibrahim ke Sekolah Menengah Kebangsaan Matang telah disertai seramai 520 orang peserta yang terdiri daripada guru, pelajar serta jemputan lain. Perarakan tersebut turut diiringi lagu patriotik sambil mengibarkan jalur gemilang dan bendera setiap negeri. Selain pameran, aktiviti seperti pertandingan kuiz, pertandingan rekacipta dan pertandingan mewarna turut diadakan untuk pelajar-pelajar sekolah.

Demonstrasi masakan makanan tradisi pelbagai kaum menyaksikan pelbagai juadah disediakan seperti pisang rebus, maruku dan taufu fa. Sesungguhnya program seumpama ini diharap dapat menambahkan rasa kecintaan kepada negara terutamanya di dalam kalangan pelajar sekolah.

SEMINAR MUZIUM LUKUT: “KE ARAH PEMERKASAAN PEMELIHARAAN MUZIUM DAN KOTA LUKUT SEBAGAI ASET SEJARAH BERNILAI”

Oleh: Faris Akmal bin Ali, Muzium Lukut



Seminar Muzium Lukut yang bertajuk “Ke Arah Pemeraksanaan Pemeliharaan Muzium dan Kota Lukut Sebagai Aset Sejarah Bernilai ini telah berlangsung pada 28 Julai 2022, bertempat di Palm Hotel Seremban, Negeri Sembilan. Seminar yang diadakan ini merupakan salah satu program Muzium Lukut yang mengetengahkan Muzium dan Kota Lukut sebagai produk pelancongan utama di Negeri Sembilan. Muzium Lukut telah disenaraikan oleh Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan sebagai salah satu produk pelancongan yang menarik.

Seminar Muzium Lukut ini diadakan bagi mengangkat Muzium dan Kota Lukut sebagai destinasi pelancongan bersejarah untuk tarikan pelancong dari dalam dan luar negara disamping memelihara dan memelihara Muzium dan Kota Lukut tersebut.

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah JMM dalam uaputama beliau, telah memberi penekanan kepada objektif seminar iaitu untuk memerksa serta memelihara Muzium dan Kota Lukut sebagai aset negara yang bernilai dan seterusnya menanam, memupuk jati diri, dan cintakan negara. Lima tajuk utama telah dibentangkan oleh pembentang dari Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, Jabatan Warisan Negara, Lembaga Muzium Negeri Sembilan dan Syarikat NTQT Sdn. Bhd.

Tajuk pertama: Arkeologi di Negeri Sembilan: Peninggalan Warisan Ketara Yang Tidak Ternilai telah dibentangkan oleh YBr. Prof. Madya Dr. Asyaari bin Muhamad, Timbalan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM. Dalam tajuk ini, beliau mengetengahkan tapak-tapak arkeologi yang terdapat di Negeri Sembilan termasuklah Kota Lukut, yang merupakan sebuah kota Melayu yang terkenal sewaktu ketika dahulu.

Tajuk kedua: Perancangan Lanskap Warisan pula membincangkan mengenai struktur lanskap warisan dibentang oleh YBr. Prof. Madya Dr. Nor Zalina binti Harun, Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM. Pembentang menekankan peranan setiap agensi bagi merealisasikan sebuah lanskap warisan yang setaraf dengan negara lain.

Tajuk ketiga: Peranan Agensi Dalam Memacu Ke Arah Pembangunan Warisan dan Sejarah Kota Lukut telah membincangkan pentingnya peranan agensi-agensi



berkaitan untuk saling berganding bahu dalam menjaga dan memelihara Kota dan Muzium Lukut. Tajuk ini telah dibentangkan oleh YBr. En. Zaharudin bin Abu, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pewartaan Bahagian Daftar Warisan, Jabatan Warisan Negara.

Tajuk keempat: Potensi Arkeopelancongan di Kota dan Muzium Lukut yang telah dibentangkan oleh YBr. En. Aziz bin Hj Mohd Gorip. Pembentangan ini menekankan kekuatan Kota dan Muzium Lukut dalam memacu sektor pelancongan dan ekonomi setempat selain menjadi tumpuan pelancong. Beliau juga menerangkan bahawa Kota Lukut ini hanya sebagai produk ikonik dan ia tidak boleh berdiri sendiri dan ia perlu dibantu oleh produk lain.

Tajuk kelima: Pemuliharaan, Pemeliharaan dan Konservasi dibentangkan oleh Tn. Hj. Shaari bin Mat Saod, yang membincangkan kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan Muzium dan Kota Lukut untuk generasi sekarang dan akan datang. Beliau juga berkongsi pengalaman beliau semasa kerja-kerja ekskavasi di Kota Lukut sewaktu ketika dahulu.

Secara keseluruhannya, Seminar Muzium Lukut ini telah mencapai objektif dalam melihat muzium dan Kota Lukut sebagai satu aset sejarah yang bernilai.



PROGRAM BICARA KURATOR SIRI 1

I) PENYELAMATAN MERIAM JUMPAAN BAWAH AIR FORT CORNWALLIS KAEDAH KAJIAN SAINTIFIK

II) PERENCATAN KAKISAN DAN PENYELIDIKAN EKSKAVASI ARKEOLOGI DI KOTA NGAH IBRAHIM

Oleh: Puan Roseanida binti Abdul Kadir dan Puan Zulita binti Yahya,
Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Pada tahun ini program Bicara Kurator dilaksanakan secara bersemuka dan *online* (Zoom Meet dan *FB live* JMM). Siri 1 telah diadakan pada 19 Julai 2022 di Bilik Persidangan dan menampilkan Encik Ahmad Shahir bin Md Daud dari Bahagian Pengurusan Konservasi dan Puan Noraini binti Hassan, Ketua Muzium, Muzium Matang. Cik Sharifah Lok Lok binti Syed Idrus, Penolong Kurator dari Unit Dasar dan Perancangan Strategik pula bertindak sebagai moderator.

Encik Ahmad Shahir bin Md. Daud membentangkan tajuk Penyelamatan Meriam Jumpaan Bawah Air Fort Cornwallis Kaedah Kajian Saintifik dan Perencatan Kakisan. Beliau menerangkan bahawa JMM telah melaksanakan kerja-kerja penyelamatan 5 laras meriam yang dijumpai di tapak projek kerja-kerja pengukuhan dan menaik taraf tembok laut di Pesisir Pantai Utara Jalan Tun Syed Sheikh Barakah, George Town Pulau Pinang. Semasa ditemui, meriam tersebut disaluti dengan konkrit simen. Kerja konservasi bagi 5 laras meriam ini diadakan bermula dari 22 Jun hingga 12 Julai 2020 melibatkan kakitangan daripada Jabatan Warisan Negara (JWN), Perbadanan Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), Universiti Sains Malaysia (USM), Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan kajian saintifik oleh penyelidik daripada Agensi Nuklear Malaysia (ANM). Kerja penyelamatan meriam ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu kaedah kajian saintifik dan proses perencatan kakisan. Bahagian Teknologi Industri, Agensi Nuklear Malaysia yang diwakili oleh Dr. Hishamuddin bin Husain, Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin, Encik Shaharudin bin Sayuti, Encik Suhairy bin Sani, Encik Wilfred Sylvester Paulus dan Encik Zaifol bin Samsu telah menjalankan beberapa teknik kajian alternatif disamping teknik biasa dengan kepelbagaian pendekatan bagi mendapatkan sebanyak mungkin data dalam aktiviti pemuliharaan khazanah warisan. Mereka menggunakan peralatan Pendafloor Sinar X Mudah Alih (XRF). XRF ini dapat menentukan maklumat unsur dan pelbagai jenis bahan, kaedah penilaian unsur yang efektif dari segi masa, keberkesanan dan juga kos dan kaedah ini merupakan ujikaji yang tidak memusnahkan. Melalui kajian oleh ANM 3 unsur utama telah dikenal pasti Besi (Fe), Sulfur (S) dan Klorin (Cl). Meriam 1 dan 2 didapati menunjukkan kepekatan unsur besi yang lebih tinggi berbanding meriam 5. Kepekatan unsur S dan Cl bagi meriam 1 dan 2 pula adalah lebih rendah berbanding meriam 5.

Pembentang menerangkan dengan jelas kaedah penyelamatan kedua iaitu proses perencatan kakisan. Pembersihan mekanikal diteruskan keatas artifak Meriam, termasuklah proses "*chipping*" bagi membuang kesan simen yang melekat pada permukaan artifak meriam. Bagi menghilangkan kesan karat dan sisa-sisa simen pada permukaan artifak meriam menggunakan berus dawai dan mesin grinder. Waterjet digunakan untuk tujuan pembersihan permukaan artifak meriam daripada semua kotoran debu dan habuk.

Bagi melindungi meriam tersebut dari perencatan dan kakisan kumpulan penyelamat tersebut telah menggunakan *Tannic acid*. *Tannic Acid* di aplikasikan pada artifak meriam menggunakan teknik sapuan menggunakan berus lembut dan span. Meriam



bernomor 1 dan 4 disalut dengan sebatian *Tannic Acid* berkepekatan 15%. Meriam bernombor 2 dan 3 disalut dengan sebatian *Tannic Acid* berkepekatan 25%. Selain penggunaan *Tannic Acid* Nurust turut digunakan. Nurust merupakan sebatian cecair berasaskan air yang akan bertindakbalas dengan lapisan karat dengan menukar lapisan karat kepada lapisan pelindung. Lapisan Nurust diaplikasikan pada meriam bernombor 5.

Pembentangan oleh Puan Nor Aini binti Hassan, membawa tajuk Ekskavasi Arkeologi di Kota Ngah Ibrahim yang berkaitan tentang penyelidikan ekskavasi arkeologi yang pernah dijalankan di Kota Ngah Ibrahim. Kota Ngah Ibrahim yang dibina pada tahun 1857, asalnya dijadikan pusat pentadbiran bagi daerah Larut dan kediaman rasmi Ngah Ibrahim.

Kerja-kerja ekskavasi di Kota Ngah Ibrahim telah bermula semenjak tahun 1984 sehingga tahun 2003 mengikut beberapa fasa. Hasil kerja-kerja ekskavasi yang dijalankan menemukan jumpaan - jumpaan yang boleh dijadikan rujukan dan panduan berkenaan pembinaan Kota Ngah Ibrahim itu sendiri. Pada tahun 1989, Dr. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman bersama JMA dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia telah menjalankan kerja-kerja gali cari di bahagian Balai Pengawal Selatan kota dan menemui beberapa artifak seperti peluru meriam, serpihan seramik serta wang syiling bertarikh 1845 wang syiling Tanah Melayu, Negeri-Negeri Selat dan Queen Victoria. Pada tahun 1996 pula jumpaan yang ditemui termasuklah peluru meriam, peluru senapang, serpihan mangkuk dan kaca, manik, seramik, batu bata, pensel kalam dan banyak lagi.

Pada tahun 2003 pula, telah dijalankan kerja-kerja pengukuhan tembok Kota Ngah Ibrahim dan telah menemukan sebuah perigi purba yang juga merupakan sebuah bilik mandi yang mempunyai dinding yang dipercayai digunakan oleh Ngah Ibrahim. Namun terdapat perbezaan ketebalan antara dinding bilik mandi tersebut dengan tembok kota Ngah Ibrahim. Berdasarkan penemuan perigi ini turut ditemui beberapa artifak antaranya hulu kapak daripada kayu, sabit rumput, porselin dan tembikar.

Pada keseluruhannya program Bicara Kurator ini dapat memberi informasi dan maklumat baharu kepada peserta. Topik yang dibentangkan pula menarik dan sangat berkaitan dengan bidang tugas permuziuman. Program ini akan diteruskan dengan topik-topik yang lain dimasa hadapan.



PROGRAM BICARA KURATOR SIRI 3

I) MANUSKRIP AL-QURAN MELAYU DI MUZIUM NEGARA II) KOTA KUALA KEDAH KOTA PERTAHANAN MELAYU TERAKHIR

Oleh: Suriati binti Sulong, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Bicara Kurator siri ke-3 telah berlangsung pada 18 Ogos 2022 dengan menampilkan dua orang pembentang iaitu Encik Muhammad Azam bin Adnan, Kurator Muzium Negara dan Encik Azhar bin Mohamed Nor, Penolong Kurator Muzium Kota Kuala Kedah manakala moderatornya ialah Encik Mohd Jamil bin Haron, Kurator Muzium Negara.

Sesi pembentangan pertama dimulakan oleh Encik Muhammad Azam dengan tajuk Manuskrip Al-Quran Melayu di Muzium Negara. Pembentangan ini merupakan hasil kajian beliau tentang koleksi-koleksi manuskrip Al-Quran Melayu yang dipamerkan di Galeri Kerajaan Melayu, Muzium Negara iaitu MSN32.1992 dan JMA. PDN.886.2002.A1.60.

Manuskrip Melayu bermaksud segala bentuk tulisan tangan menggunakan skrip Jawi dalam bahasa rumpun Melayu mengenai alam dan tamadun Melayu yang berusia sekurang-kurangnya 100 tahun (Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia, 2014).

Ilmu manuskrip Melayu boleh dikategorikan kepada beberapa kategori iaitu astrologi, agama, perubatan, ramalan, pertukangan, matematik, sastera, seksologi, hiburan, resipi memasak dan belayar. Kategori-kategori ini boleh diubah dan ditambah kemudian sekiranya terdapat ilmu baru dalam manuskrip yang masih belum dijumpai (Wan Mohd Dasuki, 2019)

Penulisan manuskrip Al-Quran Melayu di Kepulauan Melayu telah bermula pada akhir abad ke-13 apabila Sultan atau Raja Kerajaan Pasai di Sumatera Utara memeluk Islam lantas menjadikan kerajaan ini sebagai kerajaan Melayu Islam pertama di rantau ini. Walau bagaimanapun, penghasilan manuskrip Al-Quran Melayu dipercayai bermula pada abad ke-16 manakala kebanyakan manuskrip Al-Quran Melayu yang masih ada sehingga hari ini adalah dari abad ke-18 dan 19.

Banyak manuskrip Al-Quran Melayu mempunyai persamaan iaitu mempunyai seni hias bingkai berganda pada muka surat hadapan, akhir dan kadangkala di tengah halaman manuskrip.

Manuskrip Al-Quran Terengganu sentiasa menjadi rebutan di kalangan kerajaan-kerajaan Melayu yang lain kerana ragam hiasnya yang indah dengan perincian hiasan yang benar-benar teliti, dilukis dengan warna yang cantik dan dihiasi dengan jumlah emas yang banyak serta ditulis dan diukir dengan penuh ketepatan dan halus.

Manakala Al-Quran Jawa mempunyai 'pelbagai warna, bentuk dan corak yang luar biasa' yang tidak sama seperti seni ragam hias Al-Quran Terengganu. Kajian baru-baru ini juga mendapati bahawa manuskrip Al-Quran Jawa dari Banten mempunyai sedikit persamaan dengan kebanyakan manuskrip Al-Quran lain dari Pulau Jawa sehingga menjadikan Al-Quran ini sedikit berbeza dengan manuskrip Al-Quran Melayu yang lain.

Kedua-dua manuskrip ini telah dikenalpasti sebagai manuskrip Al-Quran Terengganu dan Jawa abad ke-19 melalui ciri-ciri yang terdapat di kedua-dua manuskrip tersebut. Kajian ini juga menunjukkan bahawa manuskrip Al-Quran Terengganu ini pernah digunakan oleh kaum kerabat diraja Kesultanan Melayu Terengganu manakala seorang wanita bernama Puan Hajjah Zainab Dipun pernah menjadi pemilik Al-Quran Jawa ini.

Encik Azhar bin Mohamed Nor pula menyampaikan tajuk Kota Kuala Kedah Kota Pertahanan Melayu Terakhir. Menurut sejarah nama asal Kota Kuala Kedah ialah Kuala Bahang yang terletak di Sungai Kedah. Pada zaman Kedah Tua, Kuala Kedah hanya sebuah sungai kecil yang tidak mempunyai kepentingan ekonomi kepada negeri Kedah.

Pada zaman Sultan Ata'ullah Muhammad Shah (1423-1473) sebuah sungai dikorek dari Sungai Jerlun ke Alor Janggus ke Kubang Rotan ke Sungai Mati dan berakhir di Kuala Kedah. Selang 6 tahun kemudian dikorek pula sungai dari



Gunung Keriang hingga ke Sungai Besar Chegar, Anak Bukit. Dipercayai pada zaman ini Kuala Kedah mula muncul sebagai sebuah pelabuhan.

Kenyataan ini disokong oleh catatan Fei Xin di dalam *kitab Hsing-ch'a-sheng-lan yang ditulis* pada tahun 1436 yang menyebut tentang kedudukan Kuala Kedah. Penemuan porselin dari kerajaan Ming (1500 Masihi – 1600 Masihi) dan Qing (1700 Masihi) membuktikan bahawa Kuala Kedah sudah mula berfungsi sebagai sebuah pelabuhan.

Kedah merupakan satu-satunya negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang mempunyai Sistem Kesultanan yang tertua sejak tahun 1136. Salah satu faktor yang menyebabkan negeri Kedah mampu bertahan adalah disebabkan kedudukan pelabuhannya yang sering didatangi oleh para pedagang khususnya dari India.

Kota Kuala Kedah masih bertahan hingga hari ini dan pernah berfungsi sebagai Kota Pelabuhan, Kota Pentadbiran dan Kota Pertahanan Tepi Laut (*Coastal Defense*).

kota ini turut berfungsi sebagai sebuah pusat pemeriksaan kastam bagi kapal dagang yang keluar masuk ke sungai Kedah.

Kota ini merupakan kota perdagangan Melayu terakhir yang bertahan sehingga abad ke 19, ianya menjadi bukti bahawa masyarakat Melayu dahulu mampu menguruskan sistem pelabuhannya tanpa menyerap nilai dan pengaruh barat. Kota Kuala Kedah merupakan satu-satunya kota pertahanan tepi laut yang masih kekal sehingga ke hari ini walaupun mengalami pelbagai evolusi secara fizikal. Pembentang juga turut berkongsi ilmu tentang peperangan antara Kedah dan Siam yang terjadi di Kota Kuala Kedah melalui tatapan dokumentari.



Sambutan Bulan Hrmis Tahun 2022 "Ketepatan Data Aspirasi Kita"

Oleh: Irezah binti Ebrahim @ Abraham,
Unit Pengurusan Sumber Manusia

Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia Sektor Awam atau HRMIS telah direka bentuk dan dilaksanakan berdasarkan visi, misi, hala tuju strategik dan amalan-amalan terbaik Pengurusan Sumber Manusia (PSM). Bermula pada tahun 2019, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memperkenalkan bulan Julai sebagai Bulan HRMIS sebagai usaha untuk mempertingkatkan kesedaran penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi bagi tujuan perancangan sumber manusia yang sistematik dan berkesan.

Pada tahun 2022, Jabatan Muzium Malaysia menerusi Unit Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengadakan pelbagai aktiviti bermula dari 1 hingga 31 Julai 2022 sempena sambutan tersebut yang membawa tema "Ketepatan Data Aspirasi Kita". Program/aktiviti yang telah diadakan di peringkat jabatan ialah seperti berikut:

- Kempen 10 Minit Sehari - 1-31 Julai 2022
- MUSE Share I : Cuti Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian - 8 Julai 2022
- MUSE Share II : Permohonan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) - 13 Julai 2022
- Klinik HRMIS I : Pengurusan Rekod Peribadi - 21 Julai 2022
- Klinik HRMIS II : Deskripsi Tugas (JD HRMIS) - 22 Julai 2022
- Hari Advokasi Pengguna HRMIS@JMM - 28 Julai 2022

Selain daripada aktiviti kelolaan jabatan, warga JMM turut aktif mengambil bahagian dalam beberapa acara HRMIS anjuran jabatan/agensi luar seperti HRMIS *Virtual Run Challenge*, HRMIS *Virtual Treasure Cove Hunt*, Pertandingan *Crossword Puzzle* dan Pertandingan Kuiz Kahoot HRMIS, yang dilaksanakan secara atas talian. Di peringkat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), telah diadakan Program HRMIS *User Group Summit* (HUGS) mulai 25 hingga 27 Julai 2022 yang merupakan satu aktiviti pengukuhan pasukan (team building) Pentadbir HRMIS jabatan/agensi di bawah MOTAC. Program diadakan di FELDA Residence Hot Springs, Trolak, Perak Darul Ridzuan.

Secara keseluruhannya, program sambutan Bulan HRMIS 2022 di JMM telah berjaya mencapai objektifnya. Semoga penggunaan HRMIS akan terus diperluas dan memberi manfaat terutamanya kepada pemilik kompetensi dan jua organisasi.

Majlis Anugerah PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA TAHUN 2021

Oleh: Wan Nahdatul Asykin binti Wan Jusoh,
Unit Pengurusan Sumber Manusia



Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2021 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah berlangsung pada 24 Mei 2022 dalam suasana penuh kemegahan di Panggung Sari, Istana Budaya setelah penganjurannya ditangguhkan secara fizikal selama dua tahun berikutan penularan wabak COVID-19. Mengangkat tema "Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Cemerlang", majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan kepada para penerima.

Secara keseluruhannya, seramai 367 orang warga MOTAC pelbagai jabatan dan agensi telah menerima pengiktirafan menerusi majlis gemilang ini. Seramai 29 orang penerima APC dari Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang terdiri daripada 5 orang dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 24 orang dari Kumpulan Pelaksana I dan II telah menerima sijil penghargaan yang disampaikan oleh YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia bersama-sama YB Menteri. Selain sijil penghargaan, semua penerima turut menerima wang tunai sebanyak RM1000.00 sebagai suguhati.

Selain daripada penyampaian sijil, majlis yang bermula 9.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari itu turut menampilkan bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam dari kalangan wakil penerima APC setiap jabatan dan agensi. JMM telah diwakili oleh Encik Mohamad Shukery bin Mohd Sahli dari Unit Kewangan dan Puan Norhaliza binti Haron dari Bahagian Komunikasi Korporat. Para hadirin turut disajikan dengan persembahan bertajuk 'Tugu' gabungan artis-artis budaya dari Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) diringi oleh ahli-ahli muzik dari Istana Budaya (IB).

Sambutan RUMAH TERBUKA AIDILFITRI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Oleh: Roseanida binti Abdul Kadir, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi



Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah berlangsung dengan meriahnya pada 27 Mei 2022 bertempat di Dataran Muzium Negara. Majlis turut diserikan dengan kehadiran tetamu VIP iaitu YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi, Ketua Setiausaha MOTAC. Setiap bahagian, unit dan muzium di ibu pejabat telah diberi tanggungjawab bagi menyediakan gerai juadah hari raya masing-masing. Semua gerai telah dihias dengan menarik mengikut kreativiti dan tema masing-masing. Majlis ini juga turut dibuka kepada semua pelawat yang hadir ke kompleks muzium bagi sama-sama meraikannya.

Bagi menambahkan lagi kemeriahan majlis, pihak urusetia telah menyediakan cabutan nombor bertuah dan hadiah bagi beberapa acara yang dipertandingkan. Sambutan yang mesra dan ceria dari semua kakitangan Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi telah berjaya meletakkannya sebagai Gerai Paling Mesra pada hari tersebut. Manakala untuk kategori Gerai Paling Kreatif pula telah dimenangi oleh Muzium Negara yang telah mengenengahkan konsep gerai tradisional di kampung. Gerai Paling Popular pula telah dimenangi oleh Bahagian Perolehan Koleksi dengan sajian kambing bakar dan ayam golek.

Kategori Pakaian Tercantik lelaki dan wanita turut dipertandingkan dimana mereka perlu memenuhi kriteria tertentu. Puan Roszaida binti Mohamed Said, Pustakawan dari Unit Perpustakaan telah dinobatkan sebagai pemenang kategori wanita dan Encik Asmawi bin Mohamed Yunos, Ketua Muzium Senikraf Orang Asli pula bagi kategori lelaki. Pengumuman tersebut telah mendapat sorakan dan tepukan yang gemuruh dari tetamu dan warga muzium.

Sepanjang sambutan majlis turut diserikan dengan nyanyian *live band* yang dijemput khas dari ASWARA yang mendendangkan pelbagai lagu bertemakan hari raya. Pada keseluruhannya sambutan rumah terbuka peringkat JMM kali ini amat meriah setelah dua tahun tidak dapat diraikan akibat pandemik COVID-19. Kemeriahan yang dirasakan pada tahun ini amat berlainan. Semoga tahun-tahun mendatang negara kita akan kekal bebas dan terhindar daripada sebarang musibah dan bencana.



JUALAN TERBITAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA SEMPENA PESTA BUKU ANTARABANGSA, KUALA LUMPUR (PBAKL)

Oleh: Fandy Izuan bin Johari, Unit Perpustakaan



Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang diadakan dari 3 Jun 2022 sehingga 12 Jun 2022, Unit Perpustakaan, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi (BPD) telah turut serta sebagai pempamer. PBAKL 2022 yang berlangsung selama 10 hari di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) itu menempatkan lebih 700 gerai membabitkan hampir 200 penerbit tempatan dan antarabangsa termasuk Indonesia, Singapura dan Turki.

Untuk pesta buku kali ini, sebanyak 80 judul terbitan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dibawa untuk jualan. Seramai 10 petugas secara bergilir bertugas untuk memastikan reruai JMM bersedia menerima kehadiran pengunjung yang tidak putus-putus. Pengunjung terdiri dari dalam dan luar negara yang sememangnya peminat dan pencinta kepada buku-buku berkaitan sejarah dan permuziuman. Sambutan amat menggalakkan dimana sepanjang 10 hari PBAKL berlangsung, sebanyak lebih 429 naskhah buku terbitan JMM telah terjual.

Pengunjung amat teruja dengan terbitan-terbitan JMM yang dibawa pada kali ini memandangkan sudah 2 tahun PBAKL tidak diadakan disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Para pengunjung juga turut meluangkan masa membelek buku-buku yang dipamerkan dan turut membuat pertanyaan berkaitan JMM dan muzium-muzium cawangan. Secara tidak langsung, kita dapat menyebarkan info dan mempromosikan muzium-muzium kita kepada para pengunjung.

Selain daripada itu, terdapat juga para pembekal dan vendor buku yang turut mengunjungi reruai terbitan JMM untuk membuat pertanyaan dan tempahan awal untuk organisasi, jabatan, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), sekolah dan individu. Ianya satu perkembangan yang positif untuk jabatan kita menghasilkan banyak lagi terbitan berkualiti di masa akan datang.

Hasil maklum balas yang positif dan jumlah jualan yang memberangsangkan ini, Unit Perpustakaan, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi (BPD) akan terus berusaha untuk memastikan terbitan-terbitan JMM mendapat tempat dihati para pencinta buku dan menggalakkan budaya membaca dikalangan masyarakat.



JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA 2022, KELANTAN

Oleh: Norhaliza binti Harun, Bahagian Komunikasi Korporat



Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) merupakan kesinambungan kepada penganjuran 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia yang diadakan di 14 lokasi di seluruh negara. Pelbagai program berbentuk perkhidmatan kepada rakyat diadakan bagi memastikan masyarakat di semua peringkat dapat memahami konsepnya dengan lebih jelas, yang menitikberatkan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran serta menyebarkan informasi sama ada daripada sektor kerajaan atau syarikat-syarikat swasta.

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bersama-sama Jabatan dan agensi MOTAC juga tidak ketinggalan menyertainya. JMM menerusi Bahagian Komunikasi Korporat dan beberapa unit/bahagian/muzium lain turut serta mengadakan pameran, demonstrasi, jualan buku dan aktiviti bersesuaian bagi pengisian program tersebut.

Keterlibatan JMM di dalam siri JAKM merangkumi negeri Johor, Terengganu, Perak dan Kelantan. JMM turut mempromosi program yang bakal, sedang dan akan berlangsung kepada pengunjung booth. Selain itu, siaran langsung menerusi Facebook rasmi JMM telah mengisi slot secara maya bagi hebahan kepada masyarakat yang berada di luar kawasan berlangsungnya program JAKM.

Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Siri ke-6 menyaksikan Kelantan Darul Naim sebagai lokasi berlangsungnya pelbagai aktiviti bersama masyarakat setempat. Ia telah diadakan dari 22 hingga 24 Julai 2022 bertempat di Stadium Sultan Muhammad IV dimana hampir 100,000 pengunjung telah menghadiri program tersebut. Perasmian JAKM Kelantan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia.

JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA 2022 SHAH ALAM, SELANGOR

Oleh : Zulita binti Yahya, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Selangor telah diadakan dari 19 hingga 21 Ogos 2022 di tapak karnival perkarangan Stadium Shah Alam. Program ini merupakan siri jelajah edisi yang kelapan, selepas siri jelajah di Johor, Perlis, Sabah, Terengganu, Perak dan Kelantan.

Dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), edisi kali ini menampilkan tema 'Usahawan Keluarga Malaysia Penggerak Ekonomi Negara' melibatkan kira-kira 100 reruai usahawan industri kecil dan sederhana.

JMM bersama beberapa agensi di bawah MOTAC seperti Tourism Malaysia, ASWARA, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Jabatan Warisan Negara dan Perpustakaan Negara Malaysia ditempatkan dalam satu reruai bagi mempamer dan mempromosikan jabatan masing-masing. Pada kali ini unit Perpustakaan telah mempromosikan hasil terbitan buku JMM termasuklah buku Aplikasi Preventif dalam Penjagaan Artifak, Batik Sarong, Gamelan Nuasa Nusantara, Koleksi Pameran Negara Kota Yang Hilang dan beberapa buah buku lagi.

Selain jualan buku, MOTAC turut menyajikan beberapa persembahan kebudayaan oleh pelajar ASWARA. Selain itu, para pengunjung turut berpeluang merasai sendiri pengalaman mewarna batik yang disediakan oleh pihak Perbadanan Kraftangan Malaysia. Disamping itu, pertandingan kuiz juga turut diadakan oleh pihak Tourism Malaysia bagi memeriahkan program dengan menyediakan hadiah-hadiah yang menarik untuk para pengunjung.



PROGRAM CELIK ILMU: PENGURUSAN HARTA PUSAKA

Oleh: Nur Izma Syahida binti Muhammad Ashari, Bahagian Pengurusan Koleksi



Poster program celik ilmu yang dianjurkan oleh Puspanita Cawangan Kecil JMM



Encik Muhammad Ihsan Ahmad memberikan penerangan berkaitan hibah kepada peserta



Sesi bergambar peserta bersama Pengerusi Puspanita Cawangan Kecil JMM dan penceramah

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) cawangan kecil Jabatan Muzium Malaysia (JMM) di bawah Biro Pendidikan dengan kerjasama As Salihin Trustee Berhad telah melaksanakan satu program celik ilmu yang bertajuk Pengurusan Harta Pusaka. Program ini telah dijayakan pada 20 Julai 2022 (Rabu) bertempat di Bilik Persidangan, JMM dan dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Datin Zuriddah binti Harun, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JMM.

Program Celik Ilmu: Pengurusan Harta Pusaka ini telah disampaikan oleh Encik Muhammad Ihsan Ahmad, dari Bahagian Latihan dan Pembangunan Perniagaan As Salihin Trustee Berhad. Antara objektif pelaksanaan program ini ialah memberi dan memupuk kesedaran akan kepentingan pengurusan harta pusaka, mewartawakan akan persiapan dan tatacara pentadbiran harta pusaka bagi memudahkan segala urusan waris yang bakal ditinggalkan; dan menambah

ilmu pengetahuan mengenai pengurusan harta pusaka yang kurang dititikberatkan dalam kalangan masyarakat sehingga menyebabkan banyak harta yang terbeku dan tidak dapat diagihkan kepada waris yang berhak.

Fokus perkongsian ilmu ini termasuklah pengenalan kepada harta pusaka dan pembahagian faraid, jenis pengurusan harta pusaka melalui wasiat dan hibah, tatacara pengurusan harta pusaka melalui wasiat dan hibah dan impak kelemahan pengurusan harta pusaka. Selain itu, khidmat nasihat "one to one" secara percuma turut disediakan kepada yang ingin mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pengurusan harta pusaka.

Secara keseluruhan, pelaksanaan program berjalan dengan lancar dan diharap dapat menyuntik kesedaran dalam kalangan kakitangan JMM akan kepentingan pengurusan harta pusaka dan keperluan menyegerakan pentadbiran harta pusaka bagi memudahkan waris.

PROGRAM JUNGLE TREKKING DI TAMAN RIMBA TUGU NEGARA

Oleh: Suriati binti Sulong, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Pada 10 Ogos 2022 Puspanita Cawangan Kecil Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah mengadakan aktiviti Jungle Trekking di Taman Rimba Tugu Negara bersempena dengan sambutan bulan kemerdekaan Malaysia yang Ke-65 tahun. Objektif utama aktiviti ini diadakan ialah untuk menerapkan gaya hidup yang sihat dan cergas dalam kalangan ahli Puspanita JMM.

Aktiviti ini mendapat sambutan yang baik seramai 35 orang telah mengambil bahagian dan turut disertai oleh YBhg. Datin Zuriddah binti Harun, Pengerusi Puspanita. Sebelum bertolak semua peserta berkumpul di Dataran Muzium untuk pendaftaran dan sesi regangan badan yang diketuai oleh Cik Darniza binti Daut@Mohmud.

Pada jam 9.00 pagi semua peserta bertolak ke Taman Rimba Tugu negara dan taklimat ringkas telah di sampaikan oleh AJK Biro Sukan. Jungle trekking ini mempunyai 31 *check point* dan jarak sejauh 4 km. Di sepanjang laluan, dipenuhi dengan pelbagai pokok dan kehijauan serta keindahan taman menarik minat para peserta untuk berswafoto sambil menikmati udara segar. Tempoh masa yang diambil bagi menamatkan pendakian ini adalah selama 1jam 30 minit. Tahniah diucapkan kepada semua peserta yang berjaya sampai ke puncak garisan penamat.




APLIKASI DAN PREVENTIF DALAM PENJAGAAN KOLEKSI ARTIFAK

Buku Aplikasi Preventif Dalam Penjagaan Koleksi Artifak ini diterbitkan atas kesedaran betapa kurangnya bahan-bahan rujukan dan penulisan dalam aspek pemeliharaan dan pelestarian khazanah warisan negara. Buku ini mengandungi sembilan (9) bab iaitu Pengenalan Konservasi Preventif, Suhu Dan Kelembapan, Bendasing dan Bahan Cemar, Makhluk Perosak, Pengendalian Artifak Muzium, Pemindahan dan Pengangkutan Artifak, Sokongan Peragaan dan Penyimpanan, Repositori Ideal dan Persediaan Menghadapi Bencana. Semua bab ini dapat mengupas pelbagai persoalan dan permasalahan dalam aspek penjagaan koleksi artifak berdasarkan pemerhatian dan penelitian penulis yang berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang konservasi artifak di Jabatan Muzium Malaysia. Kandungan buku ini yang berinformatif dan berilustratif serta diolah dalam Bahasa yang mudah, menjadikan buku ini amat sesuai untuk semua golongan pembaca. Buku ini juga wajib dimiliki oleh semua professional muzium di Malaysia kerana ia merupakan satu buku panduan yang lengkap bagi mengurus koleksi artifak di muzium berpandukan amalan terbaik konservasi preventif.



GAMELAN NUANSA NUSANTARA: SOUNDS OF THE MALAY ARCHIPELAGO



Buku *Gamelan: Nuansa Nusantara Sounds Of The Malay Archipelago* berkisar tentang sejarah am gamelan dalam pelbagai bentuk di seluruh dunia Melayu. Buku ini merangkumi Gamelan dan Sejarah, Gamelan: Definisi dan Status, Gamelan dalam Budaya dan Agama, Peranan Gamelan Dalam Masyarakat Hari Ini, Tokoh, Institusi dan Kumpulan Gamelan, Kaedah Pembuatan Gamelan dan Festival Gamelan yang diadakan. Buku ini turut membandingkan perbezaan dan kepentingan tiga bentuk gamelan, iaitu gamelan Jawa dan Bali, serta gamelan Melayu. Buku ini tidak menghuraikan aspek muzikologi gamelan, namun lebih kepada peranan gamelan Melayu dalam garis sejarah gamelan. Buku ini menunjukkan bahawa gamelan Melayu turut mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri serta berlainan daripada gamelan Bali dan Jawa.



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Muzium-Muzium di Bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

www.jmm.gov.my



MUZIUM NEGARA
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM DIRAJA
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK
TAIPING PERAK



GALERI PERDANA
LANGKAWI



MUZIUM MATANG
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNGAI LEMBING
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY
LABUAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI
KUALA LUMPUR



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA
JOHOR



MUZIUM LABUAN
LABUAN



MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN
LABUAN



MUZIUM LUKUT
NEGERI SEMBILAN

MUZIUM KITA
TAMADUN KITA

Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255

Faks: (+603) 2282-6434 <http://www.jmm.gov.my>